



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

(KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA

PUAN NORAZA BINTI JOHARI

PENOLONG KANAN TINGKATAN 6 SMK PENNGKALAN CHEPA

OLEH:

NURUL AINA SHAZANA BINTI SELUDDIN (2022664458)

NURYASMIN SYAHIRAH BINTI MOHD SABRI (2022698368)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR 604- PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (OKT 2024 – FEB 2025)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
PUAN NORAZA BINTI JOHARI
PENOLONG KANAN TINGKATAN 6 SMK PENNGKALAN CHEPA

OLEH:

NURUL AINA SHAZANA BINTI SELUDDIN (2022664458)

NURYASMIN SYAHIRAH BINTI MOHD SABRI (2022698368)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604- PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2024 – FEB 2025)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Alhamdulillah, pertama sekali kami ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya kami berjaya menyiapkan tugas ini. Walaupun dari segi mental, kami hampir keletihan dan ketandusan idea semasa menyiapkan tugas ini tetapi dengan bimbingan dan limpah kurniaNya, kami dapat mengharungi cabaran tersebut dengan baik.

Kedua, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Madam Nurulannisa binti Abdullah kerana memberi peluang kepada kami untuk menyiapkan tugas ini. Kami berasa amat bersyukur kerana beliau banyak memberi tunjuk ajar tentang cara membuat tugas ini serta memberikan dorongan positif dan semangat yang hangat untuk kami menyiapkan tugas ini. Terima kasih juga kepada Puan Noraza binti Johari iaitu tokoh pilihan temubual kami yang telah banyak memberi kerjasama dalam menyiapkan tugas ini

Akhir kata, kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga kami terutamanya ibu bapa kami. Mereka memberikan kami ruang yang selesa untuk kami menyiapkan tugas ini dan kami berasa berterima kasih atas pemahaman dan dorongan mereka. Juga, terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu dan membimbing kami untuk menyiapkan tugas ini bersama-sama

ABSTRAK

ABSTRAK

Temubual ini dilakukan bersama Penolong Kanan Tingkatan 6 iaitu Puan Noraza binti Johari di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa untuk mengetahui tentang peranan dan tanggungjawab sebagai seorang Penolong Kanan Tingkatan 6 (PKT6) di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa. Temubual ini dijalankan di bilik penolong kanan SMK Pengkalan Chepa. Tarikh temubual tersebut adalah pada 11 Disember 2024 bermula jam 1 petang hingga 3 petang. Puan Noraza Binti Johari, 51 tahun, merupakan seorang pendidik berpengalaman yang kini memegang jawatan sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6 (PKT6). Dengan tahap pendidikan Sarjana, beliau memiliki asas akademik yang kukuh dan kepakaran dalam bidang Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK). Beliau memulakan kerjaya sebagai guru pada tahun 1997, yang menjadikan tahun 2025 sebagai ulang tahun ke-28 dalam perkhidmatan pendidikannya. Sepanjang tempoh tersebut, beliau telah mempamerkan dedikasi dan komitmen yang tinggi dalam mendidik generasi muda. Pada tahun 2023, Puan Noraza diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6, satu peranan yang menuntut keupayaan kepimpinan, pengurusan, dan pemahaman mendalam tentang keperluan pendidikan di peringkat prauniversiti. Sebagai seorang pendidik, Puan Noraza amat dikenali dengan kemahiran dan keahliannya dalam mengajar Kesusasteraan Melayu Komunikatif, sebuah subjek yang menuntut pemahaman yang mendalam tentang bahasa, budaya, dan nilai-nilai masyarakat Melayu. Dengan pengalaman dan latar belakang akademik yang luas, beliau telah memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar Tingkatan 6, memupuk minat mereka terhadap kesusasteraan Melayu, serta menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran akademik dan kerjaya pada masa hadapan. Komitmen dan kecemerlangan Puan Noraza dalam bidang pendidikan menjadikannya seorang tokoh yang dihormati dalam kalangan rakan sejawat, pelajar, dan komuniti Pendidikan

Kata kunci: Aktiviti, tanggungjawab, pendidikan, semangat, pencapaian, penolong kanan tingkatan 6

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

BIODATA TOKOH	1
BIODATA PENEMUBUAL	3
PENGENALAN	4
TRANSKRIP	6
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH	7
BAHAGIAN B: PENDIDIKAN AWAL	9
BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA AWAL	11
BAHAGIAN D: PENGALAMAN AWAL SEBAGAI CIKGU	11
BAHAGIAN E: PERMULAAN SEBAGAI PKT6	12
BAHAGIAN F: KEPIMPINAN	13
BAHAGIAN G: VISI DAN MATLAMAT	19
BAHAGIAN H: HUBUNGAN DENGAN PELAJAR	22
BAHAGIAN I: PENDAPAT DAN CADANGAN	26
BAHAGIAN J: PENGURUSAN AKTIVITI	29
BAHAGIAN K: REFLEKSI DIRI	31
BAHAGIAN L: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	35
BAHAGIAN M: CABARAN	39
BAHAGIAN N: HARAPAN	41
SENARAI ABBREVIASI	46
RUJUKAN KATA	47
LAMPIRAN	48
LOG WAWANCARA	49
DIARI KAJIAN	55
SENARAI SOALAN	60
SURAT PERJANJIAN	68
INDEKS	72
BIBLIOGRAFI	74

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama: Noraza binti Johari

Nama samaran: Cikgu Aza

Tarikh lahir:

Tempat lahir: Tanah Merah

Alamat:

Pengkalan Chepa

No telefon:

Email:

Pekerjaan: Guru tingkatan 6

Bidang: Pendidikan

PENGENALAN

PENGENALAN

Tradisi lisan merupakan budaya yang diwariskan terutama melalui ucapan atau kelisanan. Banyak budaya di dunia ini mengutamakan penyampaian melalui lisan dalam proses pewarisan. Namun, selain tradisi lisan, banyak juga budaya yang memiliki bentuk tulisan yang diturunkan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Fenomena ini bisa digambarkan sebagai budaya yang beraksara di tengah tradisi lisan. Tradisi lisan sangat menekankan penggunaan kata-kata dalam komunikasi, baik dalam perbualan sehari-hari maupun dalam acara-acara formal seperti upacara adat, kenegaraan, atau pidato politik.

Guru merujuk kepada seseorang yang mengajar, membimbing, dan memberi ilmu pengetahuan kepada orang lain, khususnya pelajar di dalam konteks pendidikan formal. Guru tidak hanya bertindak sebagai pengajar tetapi juga sebagai penasihat, pembimbing, dan contoh teladan yang membantu perkembangan intelek, sahsiah, dan kemahiran pelajar.

Penolong Kanan Tingkatan Enam merupakan salah satu jawatan penting dalam hierarki pentadbiran sekolah menengah di Malaysia, khususnya yang menawarkan program Tingkatan Enam. Jawatan ini diwujudkan untuk memastikan kelancaran pentadbiran dan pengurusan pelajar Pra-Universiti yang merupakan kumpulan pelajar di peringkat tertinggi sekolah menengah.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai seorang Penolong Kanan Tingkatan 6 (PKT6) di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa. Bersama- sama kami ialah Puan Noraza binti Johari yang merupakan seorang guru dari tahun 1997 sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 December 2024 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 1 petang bertempat di bilik Penolong Kanan Tingkatan 6 SMK Pengkalan Chepa. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Aina Shazana binti Seluddin dan Nuryasmin Syahirah binti Mohd Sabri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

Aina: **Apakah nama penuh cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) terima kasih [mengangguk], terlebih dahulu Aina dan Yasmin kerana sudi menemus...menemubual saya berkaitan dengan pengurusan tingkatan 6 di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa [membetulkan kertas] [mengangguk]. Saya harap temubual ini bermanfaatlah untuk kita. *Okay* (baiklah), nama saya, nama sebenar Noraza binti Johari.

Aina: **Bolehkah cikgu menceritakan sedikit tentang latar belakang cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), saya berumur _____ tahun ini. Lahir di Tanah Merah Kelantan pada _____ *Okay* (baiklah), buat masa sekarang saya menetap di Pengkalan Chepa dan hobi pada masa lapang ialah kalau dulu saya membaca sekarang ni lebih kepada menonton dan mendengar “*YouTube*” yang berkaitan dengan ceramah-ceramah motivasi ceramah-ceramah agama lebih kepada perkara itulah. *Okay* (baiklah) yang seterusnya nak tahu tentang apa lagi - tentang---

Aina: **Cita-cita dan status?**

Cikgu: Cita-cita (Ketawa) *okay* (baiklah) kalau zaman sekolah cita-cita nak masuk universiti, nak jadi cikgu *okay* (baiklah), sekarang kalau awak tanya cita-cita saya lebih kepada nak menjalani kehidupan di usia sekarang ni dengan keadaan tenang, lebih meluangkan

masa bersama keluarga boleh melakukan amal ibadat dengan lebih sempurna [mengangguk]. Cita-cita yang dah masuk era 50-an lah.

Aina: **Status cikgu?**

Cikgu: Status macam mana tu (ketawa) status berkahwin. *Okay* (baiklah) sudah berkahwin. Alhamdulillah, saya mendirikan rumah tangga pada tahun 1997 dan sekarang ni hamper 27 [dua puluh tujuh] tahun dah [mengangguk] berumah tangga.

Aina: **Nama panggilan cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) di sekolah pelajar - saya dikenali dengan panggilan Cikgu Aza lah di sekolah

Aina: **Berapakah bilangan adik-beradik cikgu dan cikgu merupakan anak yang ke berapa?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), saya merupakan anak _____ adik-beradik [mengangguk],

Aina: **Bolehkah cikgu menceritakan sedikit tentang latar belakang keluarga cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebagaimana yang saya katakan tadi saya dilahirkan di Tanah Merah. Oleh ibu dan ayah saya bekerja sebagai petani. Arwah ibu saya bernama

_____ (baiklah) kedua-dua mereka ni bekerja sebagai petanilah. *Okay* (baiklah), kalau nak tanya tentang umur *okay* (baiklah) arwah ibu dan ayah saya ni hampir sebaya, mereka lahir pada tahun _____. Awak kiralah berapa dah agak-agak umur arwah ibu dan ayah saya (ketawa). *Okay*(baiklah), tentang latar belakang saya sendiri okay nama suami saya sama dengan ayah saya *okay* (baiklah) nama ayah saya saya pun Johari. Suami saya, _____ tahun *okay* (baiklah) sekarang ni mengajar di Sekolah Menengah Ismail Petra Kota Bharu.

Aina: **Bagaimana tentang anak-anak cikgu?**

Cikgu:

Aina: **Apakah peringkat pendidikan tertinggi cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) saya ada sarjana dalam pendidikan pengkhususan dalam pengurusan organisasi.

BAHAGIAN B: PENDIDIKAN AWAL

Aina: **Dimanakah sekolah rendah cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Ke--Sekolah Rendah Kebangsaan Jeli dan melanjutkan pelajaran pertama di Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli dari tingkatan 1[satu] sampai 3[tiga] kerana pada waktu tu di kawasan saya [pergerakkan tangan] hanya tingkatan 3 [tiga] saja yang paling tinggi. *Okay* (baiklah), saya menyambung pelajaran tingkatan 4 [empat] dan 5 [lima] Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Lanas dan setelah tamat SPM saya berpindah lagi [pergerakkan tangan] ke Sekolah Dato Mahmud Panglima--Dato Mahmud Paduka Raja di Tanah Merah untuk Pendidikan Tingkatan 6 [mengangguk]

Aina: **Siapakah cikgu kegemaran semasa di zaman sekolah?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), saya ada ramai guru kegemaranlah cuma antara beberapa nama yang masih [mengangguk sambil tangan di dada] lagi terlekat di sanu bari di zaman persekolahan contoh kalau di sekolah rendah saya ada seorang cikgu yang bernama Cikgu Azimah binti Hassan *okay* (baiklah) beliau mengajar Bahasa Melayu dan dari situ dia memberi satu inspirasi kepada saya persep--persepsi saya terhadap kerjaya guru yang menarik, membuka minat saya untuk [pergerakkan tangan] menjadikan beliau sebagai idola walaupun di sekolah rendah menjadikan dia sebagai idola saya untuk melanjutkan pelajaran yang seterusnya.

Aina: **Apakah aktiviti kegemaran cikgu semasa disekolah?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya saya ni tidak suka bersukan tapi saya ulat buku. *Okay* (baiklah) bermula di sekolah rendah saya memang suka membaca disebabkan oleh faktor saya merupakan seorang pelajar yang lambat menguasai teknik membaca. *Okay* (baiklah), saya hanya boleh membaca sewaktu usia saya 10 [sepuluh] tahun bermula dari situ [pergerakan tangan] menyebabkan saya terpaksa membaca banyak benda [notifikasi telefon] yang saya rasa ketinggalan dan ini membentuk satu minat yang berterusan hingga kinilah.

Aina: **Adakah selepas tamat sekolah cikgu melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), iya saya mengambil STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] pada tahun 1992 kemudian saya melanjutkan pelajaran ke Universiti Sains Malaysia [USM] Pulau Pinang.

Aina: **Apakah jurusan yang diambil oleh cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) saya ijazah dalam bidang pendidikan.

BAHAGIAN C: PENGALAMAN KERJAYA AWAL

Aina: **Adakah cikgu bekerja selepas tamat pengajian?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), terus bekerja pada waktu itu ijazah--ijazah saya dalam bidang pendidikan maksudnya [pergerakan tangan] ijazah sastera dengan pendidikan memang tak perlu ambik diplomalah sebab ijazah saya memang dalam bidang perguruan.

Aina: **Apakah faktor utama cikgu bekerja selepas tamat pengajian?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) satu pekerjaan yang telah tersedia pada waktu itu *okay* (baiklah) sebab pada zaman saya tamat saja belajar dalam bidang pendidikan, semua graduan akan ditawarkan menjadi guru secara automatik.

Aina: **Berapakah gaji permulaan pekerjaan tersebut?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) kalau tak silap saya, gaji pokok kami pada waktu itu hanya lebih kurang RM1200 [Ringgit Malaysia seribu dua ratus] kemudian ditambah dengan elaun kami dapatlah lebih kurang RM2300 [Ringgit Malaysia dua ribu tiga ratus] untuk sebulan.

BAHAGIAN D: PENGALAMAN AWAL SEBAGAI CIKGU

Aina: **Apakah sebab utama cikgu memilih untuk menjadi guru?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), satu secara jujur kerana peluang pekerjaan yang terjamin. *Okay* (baiklah), yang kedua, saya rasa dengan keperibadian dan personaliti saya guru merupakan salah satu kerjaya yang paling menarik dan sesuai [mengangguk].

Aina: **Bolehkah cikgu menceritakan perjalanan sebagai guru biasa sehingga menjadi PKT6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), saya mula mengajar pada tahun 1997. *Okay* (baiklah) pertama saya ditempatkan di Union High School Pulau Pinang *okay* (baiklah) tapi tak lama cuma hanya 3 [tiga] bulan sahaja sebab selepas saya mendapat ijazah setelah mendirikan rumah tangga dan saya terpaksa mengikut suami ke Kuching, Sarawak *okay* (baiklah) dan saya ditempatkan di Sekolah Menengah Bantuan St. Mary *okay* (baiklah), kemudian pada tahun 2001 saya berpindah balik ke semenanjung dan mengajar di

Sekolah Menengah Batu Melintang [SMBT]. Kemudian, pada tahun 2008 saya berpindah sekali lagi ke Pengkalan Chepa dan ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa [SMKPC] dari guru biasa sampailah sekarang dilantik sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6 disini.

Aina: **Semasa berada di sana, apakah subjek yang diajarkan?**

Cikgu: Okay (baiklah), diperingkat pertama, saya *major* [jurusan] pengajian saya dalam bidang Sejarah sebenarnya okay di sekolah pertama saya mengajar Sejarah dan Bahasa Melayu.

BAHAGIAN E: PERMULAAN SEBAGAI PKT6

Aina: **Apakah subjek utama yang di ajar sebelum memegang jawatan PKT6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) kemudian di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa, setelah ditawarkan untuk mengajar di tingkatan 6 dan saya dipertanggungjawabkan untuk mengajar subjek Kesusasteraan Melayu sehingga kinilah [mengangguk].

Aina: **Sejak bila cikgu bertugas sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?**

Cikgu: Masih baru *okay* (baiklah) saya mula lapor diri sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6 [enaam] pada 1[satu] haribulan September 2023 dan sampai sekaranglah.

Aina: **Apakah sekolah pertama cikgu berkhidmat sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), disekolah ini [mengangguk] Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa.

Aina: **Apakah faktor yang mendorong cikgu menjadi Penolong Kanan Tingkatan 6?**

Cikgu: Sebenarnya (tersenyum) tiada dorongan sebenarnya untuk makluman awak berdua, Penolong Kanan Tingkatan 6 ni satu-satunya penolong kanan dalam institusi sekolah yang tidak mempunyai elaun (ketawa) jadi kalau kata dorongan kenapa cikgu menerima bukan dia takde dorongan tetapi atas faktor untuk bekerja Bersama rakan-rakan guru tingkatan 6 mengikut perancangan yang telah dirancang oleh mantan PK [Penolong Kanan] tingkatan 6 dahulu. *Okay* (baiklah) kalau saya tak menerima jawatan ini, JPN [Jabatan Pendidikan Negeri] akan hantar cikgu dari luar jadi atas dorongan untuk masih mengekalkan gaya bekerja yang sama saya terpaksa menerimalah tanggungjawab sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6, tu dorongan yang pertama.

Aina: **Berapakah tahun pengalaman cikgu dalam bidang pendidikan?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), bermula dengan saya mula mengajar sampai sekarang saya telah berada di arena bidang pendidikan ni hampir 27 [dua puluh tujuh] tahun [mengangguk].

BAHAGIAN F: KEPIMPINAN

Aina: **Apakah pencapaian terbesar cikgu sepanjang memegang jawatan ini?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), [berdeham] kalau bercakap tentang pencapaian ia lebih kepada pencapaian sekolah lah *okay* (baiklah) untuk makluman saudari berdua, Sekolah Menengah Pengkalan Chepa ini *okay* (baiklah) mempunyai rekod yang baik dalam pencapaian peringkat STPM khususnya di peringkat negeri Kelantan lah. *Okay* (baiklah) pada tahun 2022, kita mendapat *ranking* [peringkat] nombor 2 [dua] terbaik negeri Kelantan bagi keputusan STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] *okay* (baiklah) tahun sebelum itu, 2021 kita berada di *ranking* [peringkat] yang ke 3 [tiga] Negeri Kelantan. *Okay* (baiklah) kemudian, jatuh sedikit pada tahun lepas STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] 2023 kami jatuh ke *ranking* [peringkat] nombor 4 [empat] dan pada masa yang terkini untuk STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] 2024 kami *target* [sasaran] nombor satu negeri lah *okay* (baiklah) atas

kapasiti kami *leading* [memimpin] untuk sem 1 [satu] dan sem 2 [dua] masih lagi terbaik negeri [mengangguk].

Aina: **Bagaimanakah cikgu bekerjasama dengan Pengetua sekolah dalam menguruskan hal-hal pentadbiran?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) untuk makluman kita juga, sebenarnya pengetua bersama dengan [pergerakan tangan] PK, [Penolong Kanan] termasuk PK tingkatan 6, PK [Penolong Kanan] Pentadbiran, PK [Penolong Kanan Hem [Hal Ehwal Murid] dan PK Kokurikulum kita berada dalam satu jawatan urusan pentadbiran [pergerakan tangan] kemudian pengurusan pengetua, pengurusan sekolah dibuat melalui mesyuarat bersama dengan barisan pentadbir lah.

Aina: **Apakah peranan utama Penolong Kanan Tingkatan 6 di sekolah?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), nama pun Penolong Kanan Tingkatan 6 okay jadi saya ni diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan [menanggalkan kaca mata] soal-soal sama ada akademik [pergerakan jari] ko-kurikulum [notifikasi telefon] dan juga kurikulum untuk tingkatan 6 sahaja maknanya [pergerakan tangan ke dada] saya bertanggungjawab menjaga guru dan pelajar tingkatan 6 [pergerakan tangan sambil mengangguk]

Aina: **Apakah tanggungjawab cikgu terhadap guru-guru Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), tanggungjawab secara khusus ialah satu [notifikasi telefon] memastikan semua guru tingkatan 6 mempunyai “AP” AP ni seolah lesen untuk mengajar tingkatan 6 [pergerakan tangan] dia berbeza kalau cikgu arus perdana dia tak perlukan AP surat penempatan tapi kalau di tingkatan 6 guru yang nak mengajar tingkatan 6 di salurkan dari Jabatan Pendidikan kemudian PK [penolong Kanan] akan bertanggungjawab memastikan guru yang dihantar ke sekolah mempunyai kriteria yang kami perlukan berdasarkan subjek dan PK tingkatan 6 terpaksa memohon akaun penempatan atau AP tadi bagi guru tersebutlah [mengangguk].

Aina: **Bagaimanakah cikgu memastikan komunikasi berkesan antara pihak pentadbiran dan pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), komunikasi berkesan biasanya dia mengambil masa [berdeham] yang lama untuk dipupuk tetapi melalui perjumpaan melalui proses kami bergaul dan juga aktiviti-aktiviti yang diadakan *okay* (baiklah) membolehkan kedua-dua [pergerakan tangan] belah pihak sama ada dari segi pihak pentadbiran dan pelajar tingkatan 6 untuk saling berhubung dan membentuk satu jaring komunikasi dua hala diantara dua pihak berkenaan [mengangguk].

Aina: **Apakah gaya kepimpinan yang cikgu amalkan?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebab gaya kepimpinan banyak dok kalau kita belajar (tersenyum) subjek saya ada beberapa gaya kepimpinanlah *okay* (baiklah) tapi saya lebih kepada gaya kepimpinan yang berbentuk kontigensi iaitu kepimpinan saya [pergerakan tangan] mengikut keadaan semasa ada kalanya saya memerlukan gaya autokratik untuk berhadapan dengan guru dan pelajar tapi saya lebih kepada gaya kepimpinan *leisure-fair* [bebas] atau memberi kebebasan jika dalam keadaan [notifikasi telefon] guru dan pelajar boleh melaksanakan arahan yang biasa mereka laksanakan [pergerakan tangan] jadi kontigensi bermaksud ada beberapa percampuran antara gaya-gaya kepimpinan mengikut kesesuaian semasa [mengangguk].

Aina: **Bagaimana cikgu menginspirasi guru-guru di bawah bimbingan cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), [meletakkan pen] ini merupakan satu tugas yang bukan mudahlah sebab sebagaimana yang kita tau bekerja dengan pelajar jauh lebih mudah *okay* (baiklah) berbanding bekerja dengan guru kerana satu, *okay* (baiklah) guru di tingkatan 6 Sekolah Menengah Pengkalan Chepa ni terbahagi kepada dua kelompok [pergerakan tangan] besar *okay* (baiklah) satu yang lebih berusia maknanya yang lebih *senior* [pengalaman lebih lama] berbanding dengan PK tingkatan 6 *okay* (baiklah) satu yang lebih muda *okay* (baiklah) untuk yang lebih muda komunikasi menjadi lebih mudah *okay* (baiklah) berbeza dengan guru yang lebih *senior* [pengalaman lebih lama] saya kena mengimbangkan diantara cara memberi arahan, *okay* (baiklah) memberi pendapat dan mendapat *feedback* [maklum balas] daripada

guru *senior* [pengalaman lebih lama] tetapi *okay* (baiklah) dengan kerjasama yang baik dan pergaulan *okay* (baiklah) saya boleh menjadi satu *role-model* [teladan] kepada guru-guru saling menginspirasi antara satu sama lain supaya perjalanan pengurusan tingkatan 6 ni bukan berfokus hanya kepada PK [Penolong Kanan] tetapi kami bekerja bersama-sama untuk kecemerlangan sekolah lah [mengangguk].

Aina: **Bagaimanakah cikgu menangani situasi disiplin di kalangan pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya peringkat tingkatan 6 ni kita tak menghadapi masalah disiplin yang serius lah pelajar kita kebanyakannya pelajar yang telah pun melepasi tahap remaja dan berada di tahap yang lebih matang *okay* (baiklah) jadi mereka masing-masing telah faham tanggungjawab cuma disiplin yang kecil-kecil [mendecit] contoh biasa hadir lambat ke sekolah masalah ketidakhadiran dan biasanya saya bersama guru HEM [Hal Ehwal Murid] kita akan membuat pemantauan kehadiran dan kita akan ada perjumpaan dengan pelajar yang bermasalah.

Aina: **Bagaimanakah cikgu menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya aktiviti ko-kurikulum ia mempunyai merit yang tertentu semua pelajar dia dah tahu dia memerlukan markah PAJSK [Pentaksiran Aktiviti Jasmani, sukan dan Ko-kurikulum] atau merit dalam bidang ko-kurikulum untuk melengkap markah [pergerakan tangan] merit mereka ke universiti. Jadi dengan ini saya tak mempunyai masalah untuk menggalakkan mereka sebab mereka yang memerlukan *okay* (baiklah) mereka memerlukan kegiatan ko-kurikulum kami cuba menyediakan ruang dan peluang supaya pelajar ini boleh melibatkan diri secara adil dalam semua kelompok yang kita telah sediakan.

Aina: **Apakah strategi cikgu untuk membantu pelajar yang lemah dalam pelajaran?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) kalau dari segi staretegi kita sebenarnya *okay* (baiklah) kita lebih kepada kalau di tingkatan 6 kita ada beberapa bahagian contoh *okay* (baiklah) saya ada bahagian kurikulum, ada guru atau SU [Setia Usaha] kurikulum tu Cikgu Sapinah [menunjuk kearah Cikgu Sapinah] dia guru SU [Setia Usaha] kurikulum dia akan memantau bahagian akademik pelajar *okay* (baiklah) jadi [pergerakan tangan] kemudian di bawah SU [Setia Usaha] kurikulum kita ada SU [Setia Usaha] Kecemerlangan Pelajar jadi setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan, unit kurikulum dan unit kecemerlangan pelajar, akan duduk [pergerakan tangan] semeja berbincang bersama dengan PK [Penolong Kanan] tingkatan 6 untuk merangka okay program-program yang bersesuaian dengan pelajar yang akademik lebih rendahlah.

Aina: **Bagaimana cikgu menguruskan masa cikgu antara kerja pentadbiran dan tugas mengajar?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), diantara yang [pergerakan tangan] cabaran terbesar adalah sebenarnya untuk mengurus sebab PK [Penolong Kanan] tingkatan 6 ni merupakan di Sekolah Menengah Pengakalan Chepa kita mempunyai 12 [dua belas] kelas, jadi 12[dua belas] kelas kemudian guru yang terpaksa saya urus seramai 27 [dua puluh tujuh] orang. Dalam masa yang sama saya perlu mengajar sebagaimana guru biasa. *Okay* (baiklah) jadi, salah satu cara saya mengatasi masalah ini ialah saya mendapat kerjasama dari rakan sejawat [pergerakan tangan] dalam jabatan yang sama. *Okay* (baiklah) sebagai contoh, kalau saya ada kerja pengurusan kelas saya akan diambil alih oleh guru berkenaan. *Okay* (baiklah) jika saya mempunyai masa yang lebih fleksibel saya akan *cover* [menggantikan] kelas saya yang tertinggal lah.

Aina: **Apakah cara terbaik bagi cikgu untuk mengendalikan konflik antara pelajar dan guru?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), satu soalan yang mencabar juga ni sebab biasanya konflik antara guru dan pelajar kita tak dapat elakkan sebab jurang usia, *okay* (baiklah) jurang pandangan [pergerakan tangan] jurang komunikasi diantara dua generasi (tersenyum). Generasi guru yang lebih berumur berbanding dengan pelajar yang generasi dia sekaranglah *okay* (baiklah) jadi kita cuba mengimbangi masalah ini dengan membuka ruang untuk perbincangan di kalangan pelajar. *Okay* (baiklah)

maksudnya [pergerakan tangan], kalau pelajar mempunyai masalah contohnya masalah dengan guru pelajar boleh berjumpa saya cerita masalah dia kemudian saya akan berbincang dengan guru menyampaikan hasrat hati, ketidakpuasan hati pelajar kemudian kita duduk semeja kita bincang cara yang terbaik untuk *natural* [kembalikan] kan perbezaan tu dan akhirnya kita oleh *settle-down* [menyelesaikan] benda ni dengan lebih baiklah.

Aina: **Apakah cabaran terbesar dalam memimpin pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) sebenarnya cabaran terbesar memimpin dari segi pengurusan masalah. Pengurusan masa menyebabkan [mendecit] terlampau banyak perkara yang perlu diselesaikan, perlu dilaksanakan dalam masa yang terhad. Tapi setakat ni saya rasa tak hadapi masalah yang besar kerana saya sentiasa dapat kerjasama [pergerakan tangan] dari guru-guru dan juga dari pelajar untuk menyesuaikan aktiviti pembelajaran dengan masa pengurusan saya sebagai PK [Penolong Kanan] tingkatan 6.

Aina: **Bagaimana cikgu memastikan pelajar Tingkatan 6 bersedia untuk memasuki universiti?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) ini berkaitan dengan syarat nak masuk universiti mendapat keputusan yang bagus. *Okay* (baiklah) jadi cara kami memastikan pelajar bersedia ialah memastikan pelajar sentiasa bersedia menghadapi peperiksaan. *Okay* (baiklah) cara nak memastikan mereka sentiasa bersedia (tersenyum) ialah *okay* (baiklah) melalui pendedahan kalendar tarikh-tarikh penting peperiksaan. *Okay* (baiklah) maksudnya pelajar sentiasa berada dalam *mood* [keadaan emosi] berkejar-kejar demam peperiksaan kenapa? Sebab tingkatan 6 kita ada 3 [tiga] kali peperiksaan, semester 1[satu], semester 2[dua] dan semester 3[tiga] kemudian kita ada 2[dua] kali peperiksaan ulangan. Jadi [pergerakan tangan], sebenarnya dengan menghebahkan kalendar peperiksaan secara tidak langsung menyediakan *mood* [keadaan emosi] bersedia dalam kalangan pelajar untuk ke universiti dan mereka perlu bersedia mendapat *result* [keputusan] yang baik. Bagi kami, keputusan STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] merupakan tiket untuk masuk ke universiti. Jadi dengan

mendapatkan tiket mereka telah bersedia melanjutkan Pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi [mengangguk]

Aina: **Apakah program khas yang cikgu jalankan untuk pelajar Tingkatan 6**

Cikgu: *Okay* (baiklah) sebenarnya kalau di PC [Pengkalan Chepa] fokus kami lebih kepada pencapaian akademik. *Okay* (baiklah) jadi fokus program juga kearah bagaimana untuk meningkatkan pretasi pelajar dalam setiap subjek yang mereka ambil. *Okay* (baiklah) masa tambahan atau kelas tambahan tidak dapat dielakkan, *okay* (baiklah) maksudnya jadual pengajaran dan pembelajaran biasa bermula 7.30 sampai pukul 2.30 yang diperuntukkan oleh pihak [pergerakan tangan] kementerian, tetapi memandangkan kalendar peperiksaan yang padat kami terpaksa lanjutkan sedikit masa pembelajaran pelajar ni sampai ke 5 [lima] petang [notifikasi telefon] [mengangguk sambil tersenyum] jadi dengan tambahan masa belajar *tu* [itu], *tu* [itu] merupakan satu program khususlah yang kami praktikkan kepada pelajar dan setakat ini ia agak berkesan kepada pelajar Sekolah Menengah Pengkalan Chepa

BAHAGIAN G: VISI DAN MATLAMAT

Aina: **Apakah visi cikgu sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) visi paling *simple* [ringkas] untuk pelajar saya nak pastikan seratus peratus pelajar yang mendaftar tingkatan 6 pusat tingkatan 6 Sekolah Menengah Pengkalan Chepa Berjaya melanjutkan Pelajaran ke universiti [mengangguk]. *Tu* [itu] visi yang paling utama lah.

Aina: **Apakah matlamat utama cikgu untuk pelajar Tingkatan 6?**

Okay (baiklah) untuk pelajar, matlamat saya ialah *okay* (baiklah) selain melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi besar harapan saya agar kami di pusat tingkatan 6 SMK [Sekolah Menengah Kebangsaan] Pengkalan Chepa boleh melahirkan pelajar yang berjaya [pergerakan tangan] dari segi akademik dan juga mempunyai adab dan juga mempunyai sahsiah diri yang terpujilah [mengangguk] [notifikasi telefon].

Aina: **Bagaimanakah cikgu merancang untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) dari segi perancangan biasanya saya akan bekerjasama dengan unit kurikulum sekolah lah, unit kurikulum dan unit tingkata 6. Kita akan sentiasa [pergerakan tangan] ada berbincangan dari semasa ke semasa menyusun program-program yang bersesuaian meningkatkan lagi prestasi akademik pelajar setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan.

Aina: **Apakah pendekatan cikgu dalam mempersiapkan pelajar untuk peperiksaan STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia]?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) pendekatan ni [ini] dia bergantung kepada program yang kami laksanakan [pergerakan tangan] *okay* (baiklah) sebagai contoh, kalau tempoh peperiksaan lebih lama pelajar akan belajar seperti biasa tetapi apabila menjelang bulan-bulan dan minggu peperiksaan biasanya unit kurikulum akan merangka program sama ada akita kelompokkan pelajar mengikut prestasi *okay* (baiklah) kita *grouping* [berkumpulan] pelajar kelompokkan pelajar mengikut prestasi kemudian cikgu juga akan dipecahkan diagih-agihkan mengikut keperluan pelajar berkenaan [mengangguk]

Aina: **Apakah peranan kokurikulum dalam pembangunan pelajar Tingkatan 6 menurut pendapat cikgu**

Cikgu: *Okay* (baiklah) sebagaimana yang kita tahu, *okay* (baiklah) bidang ko-kurikulum merupakan satu elemen pentinglah dalam membentuk keterampilan diri pelajar khususnya dalam kemahiran mereka untuk lebih [pergerakkan tangan] menonjolkan keyakinan diri, lebih bersikap bertanggungjawab jadi melalui aktiviti ko-kurikulum ini lah kita boleh membentuk pelajar yang saya katakan tadi bukan setakat bijak akademik tapi mempunyai sahsiah diri yang terpuji [batuk].

Aina: **Bagaimanakah cikgu memastikan kualiti pengajaran yang konsisten di kalangan guru Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) untuk makluman awak berdua di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa [pergerakan tangan] kita memperkasakan ketua-ketua jabatan maksudnya kalau di peringkat arus perdana dia panggil ketua panitia. *Okay* (baiklah) setiap subjek dia ada beberapa orang guru dan setiap kelompok subjek ni [ini] kita panggil contoh jabatan sejarah, jabatan geografi okay semua subjek ni [ini] ada jabatan dia. *Okay* (baiklah) jadi kami saya selaku PK [Penolong Kanan] Tingkatan 6 akan melakukan pemantauan supaya sesi pengajaran dan pembelajaran semua guru dalam jabatan tersebut mengikut *standard* [piawaian] yang kami tetapkan. *Okay* (baiklah) maksudnya, semua guru dan semua pelajar biasanya di [mendecit] seolah diwajibkan mengakses bahan yang sama (terseyum) walaupun kita berbeza kelas berbeza guru tapi matlamat jabatan yang sama bahan pengajaran dan pembelajaran pelajar juga diselaraskan.

Aina: **Apakah perubahan yang ingin cikgu lihat dalam sistem pendidikan Tingkatan 6 pada masa hadapan?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), [meletakkan pen] kalau lah berpeluang panjang umur saya mengharapkan saya berpeluang untuk menyaksikan satu inovasi dalam bidang pendidikan tingkatan 6. *Okay* (baiklah) proses mengimbangi diantara pengajian dalam bidang akademik dan juga dalam pembentukan kriteria pelajar yang bersahsiah yang baiklah maksudnya kita bukan fokus pada akademik semata-mata, tetapi kalendar peperiksaan juga seharusnya lebih fleksibel untuk proses seolah contoh [notifikasi telefon] kegiatan kokurikulum, adakan permainan membolehkan pelajar mengimbangi potensi diri mereka supaya menjadi lebih seimbang [mengangguk].

Aina: **Bagaimanakah cikgu mengukur kejayaan pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), satu berdasarkan pencapaian *result* [Keputusan] setiap kali peperiksaan umum dikeluarkan itu merupakan satu cara [pergerakan tangan] kami

disini mengukur prestasi pelajar dan yang kedua kejayaan mereka melanjutkan pelajaran ke universiti selepas tamat pendidikan di SMKPC [Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa] juga menjadi salah satu penanda aras untuk mengukur kejayaan pendidikan di SMKPC [Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa] [mengangguk].

BAHAGIAN H: HUBUNGAN DENGAN PELAJAR

Aina: **Bagaimanakah cikgu membina hubungan positif dengan pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya hubungan yang lebih positif ni *okay* biasanya hubungan terjalin melalui proses [pergerakan tangan] komunikasi diantara dua hala guru bersama pelajar, PK [Penolong Kanan] Tingkatan 6 bersama pelajar, *okay* (baiklah) dan proses perhubungan *ni* [ini] kami mulakan dengan program Bina Insan di masjid setiap pagi kita ada program Bina Insan di masjid dan sebenarnya hubungan rohani yang terjalin. *Okay* (baiklah) kami solat sama-sama baca Quran sama-sama sebenarnya disitu membentuk satu jaringan hubungan yang telah positif. Jadi apabila hubungan dalaman yang telah ada menyebabkan hubungan yang seterusnya menjadi lebih mudah.

Aina: **Bagaimana cikgu menguruskan perbezaan prestasi akademik di kalangan pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) *tak* [tidak] dapat dinafikan apabila adanya elemen peperiksaan kita akan [notifikasi telefon] menghasilkan pelajar dalam kumpulan yang tertentu *okay* (baiklah) bagaimana kami menguruskan peperiksaan sebenarnya kami terpaksa menjadikan peperiksaan itu sebagai satu asas *okay* (baiklah) kita tak boleh sama ratakan pelajar, pelajar yang akademik kedepan dengan kebelakang kita tak boleh disama ratakan *okay* (baiklah) *nak tak nak* [mahu atau tidak] kami terpaksa kelompokkan mereka dan proses pengajaran dan pembelajaran diselaraskan dengan kemampuan mereka untuk mengikuti setiap subjek. *Okay* (baiklah) dengan ini akhir nanti kita boleh [bunyi pengumuman] kecilkan perbezaan antara dua *level* [tahap].

Aina: **Bagaimanakah cikgu menguruskan pelajar yang tidak bermotivasi?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) pelajar yang tidak bermotivasi ni [ini] biasanya terdiri daripada pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang rendah *okay* (baiklah) jadi dengan prestasi akademik yang rendah lama kelamaan motivasi mereka untuk belajar menjadi semakin kurangnya. *Okay* (baiklah) disini biasanya kita ada ceramah motivasi dan juga *okay* saya selaku PK [Penolong Kanan] tingkatan 6 kita melalui perjumpaan berkala bersama pelajar [pergerakan tangan] kita ada suntikan motivasi bersama PK [penolong Kanan] tingkatan 6 lah bagi memastikan motivasi pelajar berada pada tahap yang kami tetapkan [mengangguk].

Aina: **Apakah cara terbaik untuk melibatkan ibu bapa dalam perkembangan akademik pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), untuk maklumat saudara berdua *okay* di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa kita ada dua saluran utama yang menghubungkan di antara [pergerakan tangan] pihak sekolah dengan ibu bapa. *Okay* (baiklah), satu kita ada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan yang terkini kita ada persatuan ibu bapa yang melibatkan kita panggil satu komuniti maknanya PIBK [Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti] jadi PIBK [Penglibatan Ibu Bapa dan komuniti] dan PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] dia ada *group* [kumpulan] khusus tapi PIBK lebih rapat [Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti] maksudnya tingkatan 6 sepatutnya *class by class* [kelas demi kelas] tetapi kita selaraskan tingkatan 6 rendah kita ada satu PIBK [Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti] *group* [Kumpulan] untuk semua ibu bapa tingkatan 6 rendah ada dalam *group* [Kumpulan] tersebut bersama dengan guru [pergerakan tangan]. *Okay* (baiklah) pelajar 6 atas dia ada satu *group* bersama ibu bapa jadi segala maklumat atau info perlu disampaikan kepada ibu bapa dapat diakses secara cepat. *Okay* (baiklah), contoh kita ada surat siaran untuk panggil majlis muafakat ibu bapa kita dah tak perlu panggil pelajar untuk sampaikan [pergerakan tangan] kepada ibu bapa kita boleh masuk *je* [sahaja] dalam *group* [Kumpulan] PIBK [Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti] boleh akses terus kepada *parents* [ibu bapa] kemudian *parents* boleh bertanyakan tentang anak-anak mereka dalam *group* [Kumpulan] tersebut. Komunikasi dua hala ni berlaku melalui *group-group* [kumpulan-kumpulan] tersebut dan setiap kali lepas peperiksaan kita akan ada perjumpaan muafakat bersama ibu bapa lah.

Aina: **Apakah yang cikgu lakukan untuk menggalakkan pelajar bersikap bertanggungjawab?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), [meletakkan pen] dalam membentuk sikap tanggungjawab dalam kalangan pelajar biasanya kita buat melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum *okay* (baiklah), terutamanya apabila pengagihan jawatan-jawatan penting dalam persatuan, jadi pelajar berpeluang untuk memegang jawatan contoh pengerusi, SU [setiausaha] [pergerakan tangan], bendahari jadi dengan jawatan yang mereka dipertanggungjawabkan ni mereka melaksanakan tugas diberi dan secara tidak langsung melatih mereka untuk bertanggungjawab. [mengangguk]

Aina: **Bagaimanakah cikgu menangani tekanan akademik di kalangan pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), [meletakkan pen] sebenarnya tekanan tak dapat dinafikan kita ada tekanan biasanya kita cuba mengimbangi tekanan yang mereka ada ni, contoh kami berusaha untuk mengadakan sesi sukan sekurang-kurangnya dua kali setahun [pergerakan tangan] supaya pelajar mempunyai ruang untuk lebih *healing* [penyembuhan] *okay* (baiklah), melepaskan tekanan pelajaran contohnya baru ni kita adakan sukan bowling untuk semua pelajar tingkatan 6. *Okay* (baiklah), biasanya kita jugak akan buat pertandingan futsal. *Okay* (baiklah), sehari kita memang *tak* [tidak] belajar kita akan terus ke pusat futsal sampai ke petang kita berada di sana memberi peluang mereka melepaskan tekanan supaya boleh mengimbangi antara *stress* [tekanan] belajar dengan keseronokkan [pergerakan tangan sambil mengangguk].

Aina: **Apakah nasihat cikgu kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti?**

Cikgu: Belajar bersungguh-sungguh (tersenyum)

Aina: **Bagaimana cikgu menilai keberkesanan kaunseling akademik bagi pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), keberkesanan kaunseling akademik ni sebenarnya kita *tak* [tidak] ada kaunselor khusus untuk tingkatan 6 cuma sekolah memperuntukkan seorang kaunselor tapi memandangkan jumlah pelajar Sekolah Menengah Pengkalan Chepa terlampau ramai kaunselor yang diperuntukkan untuk tingkatan 6 kurang berkesan. Jadi saya memberikan [pergerakan tangan] kuasa kepada semua guru tingkatan 6 untuk melaksanakan sesi kaunseling kepada pelajar yang memerlukan bantuan. Sekiranya *okay* (baiklah), guru mendapati pelajar perlu kaunseling khusus maksudnya PK [Penolong Kanan] tingkatan 6 lah yang akan menguruskan.

Aina: **Apakah aktiviti yang cikgu rasa dapat meningkatkan semangat kerjasama antara pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), kita boleh lihat melalui satu, melalui sukan ukhuwah yang biasa kita adakan biasanya sukan ukhuwah ni diadakan apabila pelajar 6 rendah *okay* (baiklah), baru mendaftar lepas minggu orientasi pelajar 6 rendah kita akan adakan sukan ukhuwah untuk bersama dengan pelajar 6 atas. Dalam masa yang sama guru juga terlibat membolehkan ketiga kelompok guru *okay* (baiklah), pelajar lama, pelajar baru [pergerakan tangan] ni saling kenal mengenali semasa sukan dan aktiviti tersebut diadakan [mengangguk].

Aina: **Apakah cara terbaik untuk mendisiplinkan pelajar tanpa mengurangkan motivasi mereka?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya sebagaimana yang saya sebutkan tadi [notifikasi telefon] okay program Bina Insan yang kami telah laksanakan bermula dari tahun 2013 sehingga sekarang. Maksudnya program Bina Insan ni [pergerakan tangan] bermula pukul 7.30 pagi sampai 8.10 pelajar berada di mesjid. *Okay* (baiklah), berada di mesjid kami baca Al-quran, kami solat dhuha, kami solat hajat bersama-sama. *Okay* (baiklah), kemudian, *okay* (baiklah), dua atau tiga kali seminggu PK [Penolong Kanan] tingkatan 6 akan mengambil peluang untuk bercakap bersama pelajar. Sebenarnya dalam proses kami berada di mesjid sebenarnya mendisiplinkan pelajar secara tidak langsung. *Okay* (baiklah), mereka telah terikat macam yang saya

katakan tadi hubungan kerohanian di antara guru pelajar, pelajar sama pelajar telah terbina menjadikan mereka lebih jinak sebenarnya. *Okay* (baiklah), jadi apabila mereka telah ada rasa kebersamaan ada kesedaran menyebabkan masalah disiplin kurang dalam masa yang sama motivasi mereka juga ada pada tahap yang kami tetapkan.

BAHAGIAN I: PENDAPAT DAN CADANGAN

Aina: **Apakah pendapat cikgu tentang sistem pendidikan Tingkatan 6 di Malaysia?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), pada pendapat saya, sistem pendidikan tingkatan 6 ni berada di landasan yang baiklah. *Okay* (baiklah), satu, peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran sebagai satu tempoh transaksi sebelum mereka ke universiti dan lebih-lebih lagi apabila pihak kerajaan sendiri berusaha untuk menaiktarafkan sistem pendidikan tingkatan 6 sebagai mana yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan sekaranglah [mengangguk].

Aina: **Adakah cikgu merasakan STPM masih relevan pada masa kini?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), memang sangat relevan terutamanya bagi pelajar yang kurang berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang yang berasaskan sains dan teknologi [notifikasi telefon] *okay* (baiklah), sebagaimana yang kita maklum kita ada banyak pusat asasi, kita ada politeknik tetapi kita kekurangan untuk peluang pelajar-pelajar aliran kemanusiaan sebagai persediaan mereka untuk melanjutkan pelajaran ke universiti, dan tingkatan 6 dilihat sebagai satu ruang yang paling sesuai memberi peluang kepada mereka membuat persediaan dan mendapat tiket untuk ke universiti nanti.

Aina: **Apakah cadangan cikgu untuk memperbaiki sistem pengajaran di Malaysia di tingkatan 6?**

Cikgu: Bagi memastikan tingkatan 6 ini *okay* (baiklah), relevan dengan keperluan universiti pihak kementerian seharusnya lebih memperketatkan syarat untuk masuk ke tingkatan 6. *Okay* (baiklah), sebab sebagaimana kita tahu *okay* (baiklah), *silibus*

[sukatan pelajaran] atau kandungan setiap subjek yang dipelajari di tingkatan 6 menjurus kearah pelajar di universiti [pergerakan tangan] sekiranya syarat terlampau longgar, maksudnya pelajar yang lemah dibenarkan memohon ke tingkatan 6 mereka tidak akan mampu untuk mengikuti *okay* (baiklah), kandungan pelajaran yang ada silibus yang kita ada ini menyebabkan akan berlaku keciciran jadi, kalau kita *nak* [hendak] memartabatkan tingkatan 6 kita mesti mengetatkan sedikit [pergerakan tangan] syarat supaya pelajar yang hadir untuk belajar, yang mendaftar untuk belajar benar-benar mempunyai kelayakan untuk mengikuti sukatan pelajaran yang telah kementerian tetapkan.

Aina: **Bagaimanakah cikgu melihat perkembangan pendidikan Tingkatan 6 dalam 10 tahun akan datang?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sepatutnya Pendidikan di tingkatan 6 kalau lah kita tengok di negeri sebelah Pantai barat Pendidikan di tingkatan 6 telah dibuat secara lebih komprehensif melalui penubuhan kolej tingkatan 6. *Okay* (baiklah), jadi pendidikan di kolej tingkatan 6 mempunyai peluang yang lebih meluas dalam [notifikasi telefon] membentuk potensi pelajar sama ada bidang akademik dan juga bidang kokurikulum. *Okay* (baiklah), pelajar mempunyai peluang untuk mengembangkan bakat dan potensi diri. *Okay* (baiklah), sepatutnya kolej tingkatan 6 ini lebih diperluaskan diseluruh negara terutamanya di Negeri Kelantan yang satu-satunya negeri yang masih belum mempunyai kolej tingkatan 6 yang tersendiri. Kita cuma ada pusat tingkatan 6 sahaja belum ada kolej lagilah. *Okay* (baiklah), besar harapan saya 10 [sepuluh] tahun akan datang, pengurusan tingkatan 6 dibuat di kolej dan diasingkan dari pendidikan dan arus perdana.

Aina: **Apakah pendapat cikgu mengenai pembelajaran digital untuk Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya *okay* (baiklah), walaupun kita tidak ada subjek khusus untuk digital di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa tetapi sebenarnya dalam era digital sekarang, pelajaran juga banyak kearah itu. *Okay* (baiklah), lebih-lebih lagi pelajar tingkatan 6 dibenarkan membawa gadget dan peranti ke sekolah [notifikasi telefon] membolehkan penyaluran dan akses maklumat secara lebih cepat diantara guru dan pelajar dan juga dalam kalangan pelajar itu sendiri [mengangguk].

Aina: **Apakah pendapat cikgu terhadap penggunaan teknologi dalam bilik darjah?**

Cikgu: *Oka* (baiklah),, sangat diperlukan dan penggunaan di tingkatan 6 agak memuaskan okay untuk makluman saudara berdua kita merupakan printis kepada projek hibrid, digital hybrid untuk kelas hibrid dimana pihak kerajaan melalui SISCO [Sistem Cakera Optik] dan juga Telekom [Telekomunikasi] telah menyediakan akses internet yang laju kepada tiga buah kelas dan setiap kelas dibekalkan dengan *smart TV* [televisyen pintar] yang membolehkan guru mengakses pembelajaran melalui teknologi yang disediakan dan boleh diakses kepada pelajar untuk ketiga-tiga kelas lah. Proses pemindahan ilmu boleh dilakukan dengan lebih cepat [mengangguk]

Aina: **Bagaimanakah cara meningkatkan minat pelajar terhadap subjek yang dianggap sukar?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya sukar atau tidak sukar bila ada perkataan [pergerakan tangan] “wajib lulus” *okay* (baiklah), wajib lulus subjek tersebut untuk masuk ke universiti sebenarnya okay pelajar akan berusaha bersungguh-sungguh dan cara menarik minat mereka ialah *okay* (baiklah), menyediakan peluang belajar kami di Pengkalan Chepa cuba mempermudah kaedah untuk belajar [pergerakan tangan] *okay* (baiklah), maksudnya betul subjek tersebut susah, contoh kita ada subjek Ekonomi terkenal dengan susah tapi kami di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa boleh menjadi subjek *killer paper* [kertas peperiksaan yang sukar] ini sebagai subjek yang mempunyai keputusan yang baik. *Okay* (baiklah), sebenarnya guru kita, guru yang berpengalaman dia mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu untuk memudahkan carakan. *Okay* (baiklah), memudahkan pelajar belajar dan mendekati subjek tersebut dan mendapatkan keputusan yang cemerlang. [mengangguk]

Aina: **Adakah cikgu menyokong pembelajaran berasaskan projek untuk pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: Sangat-sangat menyokong sebenarnya *okay* (baiklah), jika pembelajaran berasaskan projek dia boleh mengurangkan kebergantungan kepada markah peperiksaan. *Okay* (baiklah), sebagai salah satu aspek penilaian kepada pelajar jadi bila kita oleh

kurangkan konsep peperiksaan dalam sistem pendidikan ia boleh mengurangkan kadar *stress* [tekanan] pelajar dan pelajar boleh mengembangkan potensi diri mereka dengan lebih baik. [mengangguk]

Aina: **Apakah ciri-ciri pelajar Tingkatan 6 yang berjaya menurut pendapat cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), satu mempunyai *result* [keputusan] keputusan yang cemerlang yang kedua mempunyai sahsiah diri yang terpuji. [mengangguk]

BAHAGIAN J: PENGURUSAN AKTIVITI

Aina: **Bagaimanakah cikgu merancang aktiviti kokurikulum untuk pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya aktiviti kokurikulum telah ditetapkan oleh pihak kementerian dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. *Okay* (baiklah), iaitu selama 3 [tiga] jam seminggu pastu kita ada peruntukan untuk kokurikulum *okay* (baiklah), di peringkat sekolah, kita ada unit guru kokurikulum yang akan merancang aktiviti KO yang bersesuaian dengan kalendar peperiksaan yang telah dikeluarkan.

Aina: **Bagaimana cikgu menguruskan bajet untuk aktiviti Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya tingkatan 6 dia tak de bajet khusus *okay* (baiklah), bergantung kepada bajet sekolah dan pengurusan bajet biasanya berdasarkan peruntukan yang dikeluarkan oleh pengetua dan pentadbir untuk diagihkan mengikut keperluan program-program yang kami laksana di tingkatan 6
[mengangguk]

Aina: **Bagaimana cikgu memastikan aktiviti yang dirancang sesuai dengan minat pelajar?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya kalau nak ikutkan minat pelajar semata-mata susahlah sebab pelajar mesti minat perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan akademik, jadi kami cuba sesuaikan cuba seimbangkan diantara aktiviti berbentuk akademik dengan ko-akademik [pergerakan tangan] supaya mereka juga mempunyai ruang untuk mengurus tekanan dalam bidang akademik melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang supaya keadaan ni seimbang diantara minat belajar dan minat mereka untuk datang ke sekolah.

Aina: **Apakah aktiviti yang pernah cikgu anjurkan dan memberikan impak besar kepada pelajar?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), selain daripada ceramah dan juga seminar yang berbentuk motivasi kami berusaha sekurang-kurangnya untuk mengadakan- lebih kurang macam mana kita nak kata kem, kem motivasi *okay* (baiklah), setahun sekali *okay* (baiklah), semasa kem motivasi diadakan kami akan serahkan pelajar kepada *consultant* [perunding] tertentu dan akan merangka aktiviti yang lebih kepada pembentukan jati diri, dalam masa yang sama boleh menyuburkan kembali motivasi dan minat mereka untuk *okay* (baiklah), belajar dalam bidang akademik lah [mengguguk].

Aina: **Bagaimanakah cikgu menilai keberkesanan sesuatu program atau aktiviti?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), satu kita buat borang penilaian lah melalui borang penilaian, sebagaimana penilaian diberikan oleh pelajar yang kedua, kita tengok perubahan sikap pelajar selepas sesuatu aktiviti dilaksanakan. *Okay* (baiklah), biasanya selepas sesuatu program aktiviti motivasi atau kem jati diri dilaksanakan kami boleh lihat sebenarnya *okay* (baiklah), satu, hubungan diantara pelajar menjadi lebih rapat kemudian bila hubungan yang lebih erat terjalin sebenarnya secara tidak langsung menyuntik [notifikasi telefon] semangat dan motivasi mereka untuk meneruskan pelajaran.

Aina: **Apakah langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan pelajar semasa aktiviti luar?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), kami di pusat tingkatan 6 ni sebenarnya terikat dengan prosedur dan juga KPI [key performance indicator] yang telah dikeluarkan oleh kementerian dan juga Jabatan Pendidikan Negeri *okay* (baiklah), kami cuma ikut segala prosedur yang telah ditetapkan terutama melalui- borang kebenaran ibu bapa [pergerakan tangan] dan juga persetujuan daripada ibu bapa terhadap semua aktiviti yang bakal dilaksanakan [mengangguk]

Aina: **Apakah program motivasi yang pernah cikgu jalankan untuk pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), biasanya kita akan adakan kem motivasi lah, kem motivasi lebih kurang pada bulan Ogos pada setiap tahun [mengangguk]

BAHAGIAN K: REFLEKSI DIRI

Aina: **Apakah pengalaman paling berharga cikgu sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), dari segi pengalaman banyak pengalaman berharga tapi, apabila dalam soal pengurusan pengalaman yang paling berharga ialah apabila sekolah kami berjaya mencapai tahap keputusan akademik yang membolehkan kami ada *ranking* [kedudukan] *okay* dalam kedudukan di negeri Kelantan lah. *Okay*, untuk makluman Aina dan juga Yasmin, *okay* (baiklah), keputusan STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] 2022 merupakan pengalaman yang paling menarik bagi sekolah kami dimana pada tahun tersebut, pusat tingkatan 6 Sekolah Menengah Pengkalan Chepa *okay* (baiklah), mendapat PNGK [purata nilai gred kumulatif] 3.46 dan dinobatkan sebagai mendapat tempat ke 2 dalam ranking [kedudukan] sekolah terbaik di negeri Kelantan dan sekolah terbaik di PPD [Pejabat Pendidikan daerah] Kota Bharu lah tu merupakan antara pengalaman berharga semasa saya berada disini .[mengangguk]

Aina: **Bagaimanakah jawatan ini mengubah pendapat cikgu terhadap pendidikan?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), dengan menjawat jawatan PK [Penolong Kanan] Tingkatan 6 saya berpeluang secara langsung untuk mengurus pendidikan bagi guru dan juga pelajar tingkatan 6. Kalau selama ini sebagai guru, fokus saya kepada pelajar mengajar *okay* (baiklah), menghabiskan silibus dengan untuk mengajar memastikan pelajar dalam kelas yang saya ajar untuk mendapatkan keputusan yang paling baik. Dengan kata lain fokus saya hanya kepada subjek yang diajar, tetapi dengan perubahan jawatan yang disandang menyebabkan saya terpaksa meluaskan fokus saya untuk pengurusan kepada satu [mikrofon bergesel] semua pelajar menyebabkan pelajar yang lebih ramai dan juga untuk mengurus dan mentadbir guru tingkatan 6 seramai 27 [dua puluh tujuh] orang termasuk saya. Jadi pandangan terhadap pendidikan menjadi skop yang lebih luas kerana kami mempunyai satu visi dan misi yang jelas supaya pelajar kami Berjaya jadi pandangan saya [pergerakan tangan] terhadap Pendidikan bukan semata-mata untuk pelajar kelas saya sahaja. *Okay* (baiklah), saya kena lihat dan membuat perancangan untuk kesemua pelajar tingkatan 6 di SMK [Sekolah Menengah Kebangsaan] Pengkalan Chepa bermula dengan mereka mendaftar sampailah mereka menamatkan peperiksaan sem [semester] 3 [tiga] mereka. [mengangguk]

Aina: **Apakah yang membuatkan cikgu merasa bangga dalam menjalankan tugas ini?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), mana-mana guru *pon* [pun] menjadi bangga apabila pelajar mereka mendapat Keputusan yang cemerlang tapi sebagai seorang Penolong Kanan tingkatan 6 [pergerakan tangan ke dada] saya menjadi lebih bangga sekiranya pelajar yang keluar atau pelajar yang kami hasilakan di pusat tingkatan 6 di SMK [Sekolah Menengah Kebangsaan] Pengkalan Chepa ni bukan sahaja cemerlang dari segi akademik tetapi juga mempunyai sahsiah diri yang terpuji.

Aina: **Apakah yang cikgu harapkan dari pelajar Tingkatan 6 selepas tamat persekolahan?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), yang saya harapkan apabila mereka telah tamat belajar disini, mereka masih lagi boleh meneruskan *okay* (baiklah), perkara-perkara ataupun amalan-amalan serta nilai-nilai yang telah kami terapkan disekolah. Sebagai contoh

Aina dengan Yasmin merupakan bekas pelajar di pusat Tingkatan 6 di Pengkalan Chepa *okay* (baiklah), kita ada program Bina Insan setiap pagi kita solat hajat, solat dhuha kita baca ayat-ayat suci Al-Quran sebelum memulakan kehidupan kita sebagai pelajar, jadi besar harapan saya supaya apabila bekas pelajar kami yang tamat dari tingkatan 6 Sekolah Menengah Pengkalan Chepa dan melanjutkan pengajaran ke pusat pengajian tinggi masih boleh mengamalkan amalan-amalan sebegini sebagai salah satu kaedah untuk menjadi pelindung diri daripada terjebak dengan perkara-perkara yang tidak diingini di luar sana [mengangguk]

Aina: **Apakah kenangan paling manis bersama pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), saat mereka menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke universiti biasanya pelajar-pelajar, bekas pelajar Sekolah Menengah Pengkalan Chepa akan datang untuk meraikan kejayaan mereka bersama dengan guru-guru di sekolah dan ini merupakan satu *moment* [kenangan] yang paling mengembirakan bagi seorang guru kerana seolah-olah kami telah menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan untuk memberi kejayaan kepada pelajar merupakan detik-detik yang paling manis lah [mengangguk] bagi saya.

Aina: **Apakah nasihat terbaik yang pernah cikgu terima sebagai seorang pendidik?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), saya teringat kata seorang sahabat saya *okay* sebagai pendidik satu, kita kena ikhlaskan diri dan hati *okay* (baiklah), sebab bekerja sebagai pendidik bukan setakat menuntut kami berada di sekolah bermula jam 8 sampai jam 5 sebab kerja-kerja di pejabat [pergerakan tangan] *okay* seorang guru dan pendidik tugasnya melangkaui daripada batas waktu yang ditetapkan. Contoh, paling mudah apabila tiba waktu peperiksaan kalau cikgu cuma mengharapkan masa 7.30 sampai pukul 2.30 cikgu takkan sempat nak *marking paper* [menanda kertas], cikgu takkan sempat nak semak kerja kursus pelajar biasanya kalau kami di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa, 7.30 cikgu balik pukul 5.00 hari Jumaat lagi, hari Sabtu lagi *okay* (baiklah), jadi itu [mendecit] menyebabkan proses pembelajaran proses pekerjaan guru tu menjadi lebih lama tapi ni merupakan satu tanggungjawab yang telah biasa kami laksanakan. [mengangguk]

Aina: **Bagaimanakah cikgu mengatasi tekanan dalam menjalankan tugas harian?**

Cikgu: Cara mengatasi tekanan, macam mana *ehh* (ketawa) kadang-kadang tertekan jugak *dok* [kan] sebenarnya tekanan ni dia ni [mendecit] bergantung kepada individu diri setiap orang semua orang ada tekanan. *Okay* (baiklah), kalau saya secara peribadi [mikrofon bergesel] bagaimana saya mengatasi tekanan, pertama saya *once* [sekali] saya menerima jawatan ini *okay* (baiklah), telah tertanam satu tekad yang saya buat ini ialah saya mengikhlaskan diri saya untuk bekerja. Jadi saya mengandaikan semua tekanan yang ada itu ialah satu ujian yang perlu saya selesaikan satu-satu. *Okay* (baiklah), setakat ini hampir setahun saya memegang jawatan PK [Penolong Kanan] Tingkatan 6 masih belum ada ujian yang memberi tekanan yang hebat. Jadi saya masih mampu mengatasi tekanan melalui *okay* (baiklah), perbincangan dengan sahabat-sahabat guru yang lain meminta pandang dari PK-PK [Penolong Kanan-Penolong Kanan] sekolah lain menyebabkan urusan dalam pentadbiran sekira ada tekanan boleh saya selesaikan melalui perbincangan tersebut [mengangguk].

Aina: **Apakah aspek yang cikgu ingin perbaiki dalam diri cikgu sebagai pemimpin?**

Cikgu: [menulis] *Okay* (baiklah), saya nak jadi pemimpin yang lebih bersabar, lebih bertimbang rasa dan lebih rasa *empathy* [kasihan] kepada para pelajar kerana sebagai PK [Penolong Kanan] Tingkatan 6 kami disini mengurus pelajar yang kategori remaja yang kearah yang dah nak masuk ke alam yang lebih dewasa. Jadi untuk mengimbangi kehi--- *sorry* [maaf] nombor berapa soalan kita tadi?

Aina: **Lapan puluh enam [86]**

Cikgu: *Okay*, 86 [lapan puluh enam] *okay* (baiklah) jadi untuk membaiki diri saya sebagai pemimpin saya perlu lebih mempunyai sifat *empathy* [kasihan] kerana diantara cita-cita dan KPI [key performance indicator] saya mengejar kecemerlangan akademik saya juga perlu ada [mikrofon bergesel] sikap lebih bertimbang rasa kerana latar belakang pelajar, latar belakang guru merupakan latar belakang yang berbeza. Jadi kalau lah saya [mikrofon bergesel] hanya mempunyai satu kaedah untuk mengejar kejayaan semata-mata akan memberi tekanan dan bebanan kepada pelajar dan guru.

Jadi doakan saya [tangan didada] semoga saya lebih menjadi pentadbir yang lebih bertimbang rasa untuk keselesaan kami bersama lah. [mengangguk]

Aina: **Bagaimanakah cikgu mengimbangi kehidupan peribadi dan tugas cikgu sebagai PK [Penolong Kanan] Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya kalau saya, saya ada satu prinsiplah saya cuba mengasingkan kehidupan peribadi dan juga pekerjaan tetapi sebagai seorang guru ini adalah hampir mustaahil la. *Okay* (baiklah), sebab saya katakana tadi beban tugas guru sukar dihabiskan pada waktu pejabat. Dia terpaksa membawa balik ke rumah lebih-lebih lagi kalau bekerja dalam bahagian pentadbiran *okay* (baiklah), cuma saya mempunyai satu prinsip untuk meletakkan dua bakul yang berbeza [pergerakan tangan] *okay* (baiklah), satu bakul yang berkaitan dengan kerjaya saya, satu lagi bakul saya dari segi aspek saya tanggungjawab saya dari segi peribadi. Sebagai contoh, apabila pulang saya ialah seorang isteri, seorang ibu, seorang anak, seorang menantu jadi banyak lagi peranan-peranan dan tanggungjawab yang perlu saya lunaskan. Jadi keseimbangan dalam pembahagian masa diantara tugas atau kerjaya dengan peribadi setakat ni oleh saya seimbangkan dengan lebih baik. [mengangguk]

BAHAGIAN L: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Aina: **Bagaimanakah cikgu menguruskan jadual kelas dan aktiviti bagi Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), untuk makluman Aina dan juga Yasmin sebenarnya pengurusan jadual waktu dan juga aktiviti kami di tingkatan 6 sebenarnya masih terikat dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak kementerian bersama dengan kalendar peperiksaan yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) *okay* (baiklah), jadi penyusunan jadual kelas dibuat bersama mengikut kerangka yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, *okay* (baiklah), setiap subjek memerlukan berapa jam yang tertentu jadi setiap guru akan dibahagikan masa mengikut keperluan kehendak sesuatu subjek lah. *Okay* (baiklah), jadi kami ada jawatan kuasa jadual yang mengurus jadual guru dan juga jadual kelas pelajar dan juga berdasarkan jadual ini barulah kami boleh merangka untuk aktiviti-aktiviti yang lain. [mengangguk]

Aina: **Bagaimanakah cikgu memastikan pelajar Tingkatan 6 memahami keperluan dan piawaian peperiksaan STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia]?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) biasanya kami di tingkatan 6 sebenarnya untuk pengurusan jadual waktu, pengurusan peperiksaan, *okay* (baiklah) Pengurusan Hal Ehwal pelajar (HEM) kami mempunyai unit-unit tertentu. *Okay* (baiklah) saya sebagai PK [penolong Kanan] hanya menyelaras sahaja perjalanan setiap unit tersebut. *Okay* (baiklah) sebagai contoh, untuk memastikan pelajar ni mematuhi piawaian peperiksaan, satu kita ada unit peperiksaan. *Okay* (baiklah) unit peperiksaan akan melaksanakan tugas mereka bermula dengan taklimat kepada pelajar [pergerakan tangan] tentang peperiksaan kemudian mendaftar pelajar mengambil subjek-subjek tertentu sehinggalah kepada menyediakan jadual untuk proses pembelajaran bagi memastikan sebelum menduduki peperiksaan pelajar telah mempunyai pengetahuan dan juga ilmu yang mencukupi selain daripada keperluan-keperluan *official* [rasmi] untuk peperiksaan.

Aina: **Apakah prosedur yang cikgu gunakan untuk memantau prestasi pelajar Tingkatan 6 secara berkala?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) satu, semestinya melalui keputusan peperiksaan lah, *okay* (baiklah) Cuma kami di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa peperiksaan kami menjadi lebih kerap. Untuk makluman Aina dan Yasmin, dalam keadaan biasa tingkatan 6 atau STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] mempunyai 5 [lima] kali peperiksaan rasmi. *Okay* maksudnya peperiksaan semester 1[satu], semester 2[dua], semester 3[tiga] kemudian ulangan 1[satu], ulangan 2[dua] *okay* ini merupakan peperiksaan biasa *okay* (baiklah) jadi berdasarkan peperiksaan ini setiap semester kami boleh memantau [pergerakan tangan] prestasi pelajar dan setiap kali keputusan peperiksaan dikeluarkan kita masuk peperiksaan percubaan, kami akan adakan perbincangan bersama ibu bapa. *Okay* (baiklah) melalui aktiviti sebergini, kami boleh memantau bagaimana tahap prestasi pelajar sama ada mempunyai peningkatan ataupun yang sebaliknya.

Aina: **Apakah kriteria utama yang cikgu gunakan untuk menilai kejayaan seorang guru Tingkatan 6**

Cikgu: Dia ada 2 [dua] kaedah sebenarnya yang pertama nak menilai prestasi guru mesti berdasarkan prestasi akademik pelajar memang tak dapat dinafikan, guru yang baik akan menghasilkan pelajar yang cemerlang. *Okay* (baiklah) tetapi pada masa yang sama prestasi guru bukan dinilai semata-mata bidang akademik sahaja, kerana selain daripada mengajar guru juga mengurus beberapa perkara. Contoh mengurus tentang kebajikan pelajar, mengurus tentang pendaftaran peperiksaan pelajar, mengurus tentang biasiswa pelajar. Jadi sebenarnya seorang guru tu tugas dia terlampau banyak jadi apabila kami membuat penilaian prestasi juga melibatkan yang berkaitan dengan sejauhmana seorang guru itu berjaya melaksanakan tugas yang telah kita pertanggungjawabkan.

Aina: **Bagaimana cikgu menilai keberkesanan sistem pengurusan disiplin untuk pelajar Tingkatan 6 di sekolah cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), kalau bercakap tentang sistem pengurusan disiplin, sebenarnya kami di tingkatan 6 ni tiada satu pekeliling khusus untuk mengurus soal disiplin pelajar cuma, diberi secara umum tentang garis panduan ada memperuntukkan guru Hal Ehwal Murid (HEM) [pergerakan tangan] ada memperuntukkan fail tentang disiplin. *Okay* (baiklah) maksudnya, proses pelaksanaan tindakan disiplin terhadap pelajar masih lagi memerlukan garis panduan dari pihak kementerian. Sebagai contoh, sekiranya ada pelajar yang melakukan kesalahan *okay* (baiklah) unit HEM [Hal Ehwal Murid] akan membuat sesi perbincangan panggil pelajar tentang makluman balas dan sebagainya kemudian perlu rujuk kepada unit kaunseling. Kaunselor perlu intervensi [campur tangan] dengan pelajar jika kes itu perlu pemerhatian khusus *okay* (baiklah) barulah dimaklumkan kepada PK [Penolong Kanan] tingkatan 6 ataupun pengetua. Tapi alhamdulillah, setakat *ni* [ini] saya di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa masih lagi belum mempunyai kes-kes yang kritikal *okay* (baiklah) masalah disiplin kami biasanya melibatkan kehadiran lewat, masalah penampilan diri, masalah pelajar bercinta yang tidak memerlukan proses intervensi yang terlalu rumit lah. Kami mengurus disiplin dalam proses lebih kepada kaedah perbincangan sama ada bersama pelajar ataupun bersama dengan penjaga.

Aina: **Apakah peranan cikgu dalam memastikan kebajikan pelajar Tingkatan 6 terpelihara?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), bercerita berkaitan dengan kebajikan pelajar sebenarnya kami di tingkatan 6 kami ada unit kebajikan pelajar *okay* (baiklah) unit kebajikan pelajar ni kami bahagikan kepada dua kategori utama, *okay* (baiklah) satu menjaga kebajikan pelajar sewaktu mereka berada di sekolah yang kedua menjaga kebajikan pelajar memastikan pelajar kami mendapat tawaran ke universiti mempunyai persiapan yang mencukupi untuk melanjutkan pelajaran. *Okay* (baiklah) sehubungan dengan itu, untuk makluman Aina unit kebajikan di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa ni merupakan satu unit yang cukup aktif, *okay* (baiklah) saya berani berkata begitu kerana satu kami mempunyai pengkalan data tentang maklumat pelajar terutamanya golongan asnaf yang lengkap. *Okay* (baiklah) maksudnya bila masa sahaja contoh ada bantuan NGO [Non-Governmental Organization] untuk pelajar guru unit kebajikan boleh mengeluarkan senarai pelajar yang layak. *Okay* (baiklah) yang kedua, kami juga ada insentif merupakan tabung kami sendiri. Maksudnya kalau Aina dengan Yasmin nak tahu peruntukan kerajaan untuk tingkatan 6 *tak* [tidak] ada, hampir 0 [kosong] [pergerakan tangan] cuma kita ada biasiswa lah. Biasiswa tu lain untuk Kebajikan pelajar dari segi kewangan tiada tapi dengan satu inisiatif perbincangan dengan guru-guru kami ada satu projek yang dinamakan tabung “*We Care*”. Tabung ini kami wujudkan dengan kerjasama dan juga keperihatinan NGO [Non-Governmental Organization], komuniti setempat *okay* (baiklah) [notifikasi telefon] sekarang ni kita buat pelancaran tabung kita mendapat sambutan yang agak baik daripada ibu bapa sehingga membolehkan tabung ini kami gunakan untuk membiayai seramai hampir sepuluh [10] orang pelajar pada tahun lepas dengan pengagihan wang sebanyak lima ratus [500] seorang, sebagai satu pendahuluan untuk membuat persiapan bagi melanjutkan pelajaran ke universiti.

Aina: **Bagaimanakah cikgu bekerjasama dengan pihak kaunselor sekolah dalam membantu pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa mempunyai tiga [3] orang kaunselor, salah seorang kaunselor ini ditugaskan untuk bersama dengan pelajar tingkatan 6. *Okay* (baiklah) tugas kaunselor satu, ia perlu membantu unit

tingkatan 6 untuk merangka program-program [pergerakan tangan] khususnya yang berkaitan dengan kecemerlangan akademik dan juga sahsiah pelajar. *Okay* (baiklah) disini kaunselor akan memainkan peranan untuk menyediakan kertas kerja untuk survey [tinjauan] tempat kita membuat kem, kemudian *okay* (baiklah) mempunyai hubungan yang erat dengan NGO [Non-Governmental Organization] yang akan menjadi **facilitator** [pemudahcara] dan sebagainya. Dalam konteks yang satu lagi, kaunselor memainkan peranan untuk melaksanakan proses kaunseling bersama pelajar sekiranya pelajar mempunyai masalah dari segi akademik ataupun masalah berkaitan dengan remaja pada masa kini.

BAHAGIAN M: CABARAN

Aina: **Apakah cabaran terbesar yang cikgu hadapi sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), cabaran terbesar yang saya hadapi ialah untuk mengekalkan momentum kecemerlangan keputusan STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] di Pengkalan Chepa. *Okay* (baiklah) sebagaimana yang kita maklum, kami di Pengkalan Chepa mempunyai *track* [kesan] rekod yang baiklah dalam keputusan STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] sama ada di peringkat PPD [Pejabat Pendidikan Daerah] mahupun di peringkat negeri. *Okay* (baiklah) *nak* [hendak] mencapai sesuatu kejayaan itu mudah tapi *nak* mengekalkan kejayaan yang pernah kami capai ia bukan sesuatu yang mudah. Antara masalah yang saya hadapi ialah bagaimana *nak* mewujudkan hubungan yang erat diantara sekolah dengan komuniti Masyarakat setempat khususnya ibu bapa. Kerana sebagaimana yang kita tahu hanya dengan kerjasama yang erat diantara ibu bapa, komuniti setempat dengan pihak sekolah barulah kami boleh mengurus tingkatan 6 ini dengan lebih baik. *Okay* (baiklah) cabaran saya yang sekarang ini ialah untuk memastikan hubungan yang terjalin diantara pusat tingkatan 6, pihak pentadbir sekolah ibu bapa sentiasa berada keadaan yang baik barulah saya boleh mengurus tingkatan 6 ni mengikut KPI [Key Performance Indicator] yang telah kami tetapkan.

Aina: **Apakah cabaran terbesar yang cikgu hadapi semasa pandemik COVID-19, dan bagaimana cikgu mengatasinya?**

Cikgu: Sebagaimana yang kita tahu kita berada hampir 2 [dua] tahun dalam keadaan pandemic yang menyebabkan pelajar atau calon STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] kita tidak boleh mengikuti persekolahan secara bersemuka sedangkan tarikh peperiksaan tidak berubah itu merupakan cabaran yang paling besar jugalah yang kami hadapi. *Okay* (baiklah) cuma kami di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa beruntung kerana kami mempunyai asrama. Jadi sepanjang pandemik tersebut pelajar yang mempunyai Tarikh peperiksaan contoh calon STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] terutamanya telah diminta untuk berada di asrama. Dalam keadaan kawalan [pergerakan tangan] keselamatan dan kesihatan yang ketat, kami mengambil risiko untuk meletakkan pelajar di asrama supaya mereka berada dalam satu kelompok dan boleh berlakunya proses PDPC [proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas] secara bersemuka dalam pemantuan yang ketat lah.

Aina: **Apakah cabaran terbesar dalam [cikgu batuk] memimpin pelajar Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), cabaran terbesar ialah bagi memastikan [Yasmin batuk] semua pelajar kami sentiasa bersedia untuk menghadapi peperiksaan kerana melalui peperiksaan ini memberi jaminan kepada mereka untuk memohon, melanjutkan pelajaran ke universiti dalam [Yasmin batuk] khusus-khusus yang baik.

Aina: **Apakah cabaran terbesar dalam mengatur [pen jatuh] aktiviti luar kelas untuk Tingkatan 6?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) sebagaimana yang saya ceritakan tadi, kita di tingkatan 6 kalendar peperiksaan kita amat padat jadual peperiksaan 5 [lima] kali peperiksaan *okay* (baiklah) mengambil sebahagian besar dari masa kami menyebabkan proses aktiviti diluar kelas kami tak boleh jalankan seperti biasa sebagaimana pelajar arus perdana. Kami terpaksa membuat pilihan yang betul-betul tepat kerana ruang masa diantara satu, tarikh peperiksaan dengan peperiksaan akhir tu amatlah dekat. Jadi biasanya kami hanya mampu melaksanakan aktiviti diluar kelas yang melibatkan keseluruhan

pelajar lebih kurang dua atau tiga kali sahaja. Disebabkan oleh kalendar atau jadual peperiksaan yang padat tadi lah. [mengangguk]

BAHAGIAN N: HARAPAN

Aina: **Apakah harapan cikgu terhadap pelajar Tingkatan 6 yang cikgu bimbing sekarang?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), satu saya berharap agar pelajar yang keluar dari pusat tingkatan 6 Sekolah Menengah Pengkalan Chepa satu boleh atau pandai membawa diri. *Okay* (baiklah) maksud saya pandai membawa diri disini ialah mempunyai *skill-skill* [kemahiran-kemahiran] untuk berhadapan dengan masyarakat dan juga dunia luar. *Okay* (baiklah), kita tahu pelajar yang belajar di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa khususnya tingkatan 6 mempunyai masa yang pendek sahaja. Kami ada lebih kurang setahun [1 tahun] setengah atau paling lama dua [2] tahun bersama pelajar, banyak harapan dan banyak nilai yang cuba kami terapkan unntuk menjadi bekalan kepada pelajar apabila mereka melangkah keluar nanti. *Okay* (baiklah) sebagai contoh, dengan segala ilmu dan tunjuk ajar dalam sesuatu subjek *okay* (baiklah) sekiranya mereka menyambung pelajaran dalam bidang tersebut, mereka boleh menggunakan ilmu yang telah kami terapkan. Dan yang kedua, besar harapan kami pelajar yang kami didik di Sekolah Menengah Pengkalan Chepa khususnya di tingkatan 6 ni boleh menjadi aset kepada masyarakat menjadi agen pembangunan, agen perubahan kearah melahirkan masyarakat yang lebih harmoni.

Aina: **Jika cikgu diberi peluang, apakah satu perkara yang ingin cikgu ubah dalam sistem pendidikan sekarang**

Cikgu: *Okay* (baiklah) saya boleh bercakap dalam konteks pendidikan di tingkatan 6 lah andainya saya diberi peluang ada kuasa untuk menggubal saya cuba saya akan cuba kecilkan penilaian berasakan peperiksaan semata-mata. Kemudian [notifikasi telefon] kita cuba bahagikan supaya [pergerakan tangan] penilaian juga dibuat daripada aspek lain kerana kadang-kadang sekiranya markah hampir 70 [tujuh puluh] atau 80 [lapan puluh] peratus, berasaskan peperiksaan boleh menyekat pelajar yang mempunyai potensi tapi dalam bidang yang agak berbeza. Sebagai contoh, kita boleh perluaskan markah untuk dalam aspek contoh kerja kursus, kerana

disini boleh membantu pelajar membentuk keyakinan diri, membentuk nilai-nilai diri yang baik dan semua itu dinilai sekiranya guru yang berada disekolah menilai. Tetapi jika penilaian pelajar berasaskan soalan peperiksaan hanya sebahagian kecil daripada potensi diri yang dinilai. Bagi saya sebagai seorang guru, ini merupakan situasi yang agak kurang adil lah. *Okay* (baiklah) sebagai contoh, kalau kita bagi situasi kita ada pelajar pandai dan berpotensi tiba-tiba pada hari peperiksaan dia demam, *nak tak nak* [mahu atau tidak] prestasi dia akan jatuh jadi kalau lah kita melihat hanya semata-mata keputusan peperiksaan memang jelas berlaku ketidakadilan kepada kes-kes sebegini. [mengangguk]

Aina: **Bagaimanakah cikgu ingin dikenang oleh pelajar dan guru yang pernah bekerja dengan cikgu?**

Cikgu: Macam mana ye? Yasmin saya ni guru yang macam mana Yasmin? [memandang kearah Yasmin] guru yang baik ke tak baik? (tersenyum)

Yasmin: Baik

Cikgu: Yang baik (ketawa) Alhamdulillah. Saya rasa mana-mana guru kalau boleh kita [mikrofon bergesel] tak boleh baca. *Okay* (baiklah) pelajar dia kena nilai cikgu macam ni, benda tu tak boleh berlaku sama dengan saya sebagai pentadbir. “Cikgu-cikgu kena nilai sebagai ni” *okay* (baiklah) pentadbir boleh menilai guru tetapi nilai pentadbir di mata guru mesti berbeza. Cuma besar harapan saya, kalau boleh sebagai seorang guru saya ingin jadi guru yang bukan setakat baik tapi guru yang boleh beri satu inspirasi kepada pelajar-pelajar. *Okay* (baiklah) maksudnya macam mana, apa ilmu yang saya ajar dengan apa yang saya bentuk dalam bilik darjah menjadi satu rasa [notifikasi telefon] dan juga satu motivasi kepada pelajar untuk meneruskan kehidupan ketahap yang jauh lebih baik *okay* (baiklah) itu dari segi konteks sebagai pelajar kepada pelajar. Konteks sebagai seorang guru yang lain [notifikasi telefon] rakan sekerja saya ingin dikenali sebagai pentadbir yang mudah dibawa berunding yang bukan sekadar sebagai pemimpin tetapi lebih kepada rakan sekerja yang sama-sama bekerja dan membantu. *Okay* (baiklah) supaya saya dikenali ouu *okay* (baiklah) PK [Penolong Kanan] tingkatan 6 Cikgu Noraza ni boleh saling

memahami boleh melaksanakan kerja bersama-sama dengan guru. Itulah harapan saya [mengangguk]

Aina **Apakah nasihat utama yang cikgu ingin berikan kepada pendidik muda yang ingin memegang jawatan seperti cikgu?**

Cikgu: *Okay* (baiklah) sepatutnya yang *interview* [temubual] saya ni bakal guru, barulah saya bagi nasihat yang panjang lebar. *Okay* (baiklah) walaupun Aina dan Yasmin ni bukanlah mengambil kursus menjadi seorang pendidik, kalaulah saya berpeluang bagi nasihat satu, saya nak pesan supaya bakal guru seharusnya mengenali diri dulu [tangan di dada]. *Okay* (baiklah) sebab menjadi seorang guru, dia bukan “menjadi” *okay* (baiklah) guru ni dilahirkan sebagai guru sebenarnya. *Okay* (baiklah) *born to be a teacher* [dilahirkan menjadi guru] *dok Yasmin dok* [kan Yasmin kan] sebab menjadi guru, guru tak boleh dilihat sebagai satu ruang pekerjaan yang menghasilkan pulangan semata-mata gaji cikgu *tok maha* [tidak mahal] sebenarnya. *Okay* (baiklah) jadi kalau nak kepada *income* [pendapatan] yang stabil nak jadi cikgu, tu satu pandangan yang silap sebenarnya sebab apabila *once* [sekali] anda menjadi cikgu menjadi guru tugas guru bukan semata-mata mengajar, tugas guru ni mendidik. Untuk mendidik manusia, menjadi pelajar ini memanusiakkan seorang pelajar [bunyi pengumuman]. *Okay* (baiklah) sebab sebagai seorang guru tugas guru bukan semata-mata [notifikasi telefon] pergi sekolah bekerja kemudian balik, dia bukan begitu. Seorang guru ni sebenarnya dialah yang merupakan pendidik dialah yang merupakan pengurus, kalau pelajar sakit dialah merupakan doktor, kalau ada hari sukan dialah sebagai ahli sukan. *Okay* (baiklah) banyak peranan yang dimainkan oleh guru sebab itu kalau saya boleh memberi nasihat kepada bakal guru yang *nak* (hendak) menjadi guru mesti, mempunyai [pergerakan tangan] multi-skill [menguasai pelbagai kemahiran] dia *tak* [tidak] boleh masuk *okay* (baiklah) - wajah cantik, suara sedap, suara kuat dia jadi guru, bukan. Sebab guru kena ada lebih daripada itu, sebab pengorbanan seorang guru contoh, kalau datang sekolah sekadar nak mengajar betul kita oleh mengajar tapi, tapi kalau masa hari sukan siapa nak buat. *Okay* (baiklah) sebab saya nampak cikgu baru sekarang tak boleh saya *allergic* [alahan] dengan matahari dengan panas, saya *tak* [tidak] boleh bersukan. *Okay* (baiklah) contoh, cikgu bawa pelajar pergi *camping* [perkemahan] saya tak boleh masuk hutan, saya *allergic* [alahan] dengan nyamuk, saya *allergic* [alahan] dengan

serangga-serangga. *Okay* (baiklah) kalau cikgu buat kerja lebih masa oo tak boleh - tak boleh saya kena balik *gini-gini* [begini-begini]. Kalau semua aktiviti itu kita *tak* [tidak] boleh kendalikan, kita *tak* [tidak] boleh menjadi seorang guru yang baik, boleh menjadi guru tapi *tak* [tidak] boleh menjadi seorang pendidik. *Okay* (baiklah) *once* [sekali] nak menjadi seorang pendidik hati [tangan didada] dan jiwa mesti besar sebab nak mendidik nak memanusiatekan manusia bukan kerja yang mudah cabaran dia juga besar. [mengangguk]

Aina: **Adakah terdapat sebarang pengalaman peribadi sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6 yang cikgu rasa telah membentuk siapa diri cikgu hari ini?**

Cikgu: *Okay* (baiklah), sebenarnya saya telah bertugas hampir 27 [dua puluh tujuh] tahun sebagai guru kemudian baru menjawat jawatan PK [Penolong Kanan] hampir 2 tahun tapi sebenarnya berada di jawatan ini sebenarnya membuka satu dimensi dan juga perspektif baru saya, satu terhadap bidang pendidikan itu sendiri sebab kalau dikatakan tadi sebagai guru, pandangan kita, tanggungjawab kita skopnya lebih kecil saya hanya bertanggungjawab kepada pelajar saya kemudian kepada ibu bapa pelajar tersebut dan juga rakan-rakan guru. Tetapi sebagai seorang pentadbir dan juga sebagai PK [Penolong Kanan] tingkatan 6 tanggungjawab saya menjadi jauh lebih luas. *Okay* (baiklah) satu saya bukan sekadar mengurus pelajar mengurus guru saya kena jaga hubungan baik dengan pentadbir sekolah, saya kena menjaga hubungan baik juga dengan PPD (Pejabat Pendidikan Daerah) saya juga perlu bertanggungjawab kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. Dan besar lagi tanggungjawab terpaksa melaksanakan dasar-dasar dan juga pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh kementerian [batuk] jadi, secara tidak langsung dia membentuk diri saya menjadi seorang yang satu, lebih fokus. *Okay* (baiklah) fokus kepada pekerjaan yang sedia ada, mengurus di sekolah satu lagi saya perlu sentiasa fokus kepada arahan-arahan dan juga bagaimana cara menyelesaikan semua kehendak-kehendak dan tuntutan-tuntutan yang dikehendaki oleh pihak kementerian. Sebagai contoh, bagaimana kemaskini data, data pelajar, data peperiksaan kemudian harus menghadiri lebih banyak mesyuarat, harus berjumpa dengan penolong kanan lain, harus berhubung dengan pegawai-pegawai dari jabatan pendidikan dan semua ini membuka satu dimensi bawa sebagai pentadbir. Saya juga kena bersedia untuk mengurus suatu organisasi bukan setakat di sekolah kita, tapi

memperluas peran, ruang dan peluang untuk berhubung dengan semua agensi-agensi sekitar yang ada supaya saya boleh menguruskan tingkatan 6 yang kecil ini dalam keadaan yang lebih baik.

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai seorang Penolong Kanan Tingkatan 6 dan seorang guru sejak tahun 1997 sehingga 2024. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu pendidikan kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
HEM	Hal Ehwal Murid
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPI	Key Performance Indicator
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan & Kurikulum
PC	Pengkalan Chepa
PDPC	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PK	Penolong Kanan
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
SISKO	Sistem Cakera Optik
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TELEKOM	Telekomunikasi
UKM	Univerisiti Kebangsaan Malaysia
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

RUJUKAN KATA

Dimano	Dimana
Dok	Kan
Gini-gini	Begini-begini
Hamper	Hampir
Jugak	Juga
Kecik-kecik	Kecil-kecil
Mesjid	Masjid
Nak	Hendak
Ni	Ini
Pastu	Selepas itu
Quran	Al- Quran
Saja	Sahaja
Sulong	Sulung
Tahung	Tahun
Takde	Tiada
Tu	Itu

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Nurul Aina Shazana dan Nuryasmin Syahirah menemubual Puan Noraza yang dilahirkan pada 1973 di Tanah Merah, Kelantan. Temubual dijalankan di bilik Penolong Kanan tingkatan 6 SMK Pengkalan Chepa mengenai peranan dan tanggungjawab beliau sebagai seorang guru dan seorang Penolong Kanan Tingkatan 6 dari tahun 1997 sehingga kini.

MASA	SUBJEK	NAMA/ TEMPAT/ RUJUKAN
BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG ROKOH		
00.52	Nama penuh cikgu	- Noraza binti Johari
01.16	Latar belakang cikgu	
02.58	Bilangan adik-beradik	
03.12	Latar belakang keluarga	

BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN AWAL		
05.31	Sekolah rendah	-Sekolah Kebangsaan Jeli -Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli (tingkatan 1-3) -Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Lanas (tingkatan 4-5) -Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Mahmud Paduka Raja (tingkatan 6)
07.34	Melanjutkan Pelajaran ke peringkat universiti	-Universiti Sains Malaysia (USM)
07.53	Jurusan	-Ijazah dalam bidang pendidikan
BHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJA AWAL		
08.02	Bekerja selepas tamat pengajian	-Terus bekerja dalam bidang pendidikan
08.44	Gaji permulaan	RM2300 sebulan
BAHAGIAN 4: PENGALAMAN AWAL SEBAGAI CIKGU		
09.21	Perjalanan sebagai guru	-1997 Union High School Pulau Pinang - Berpindah mengikut suami ke Sarawak Sekolah Menengah Bantuan St. Mary -2001 Sekolah Menengah Batu Melintang

		-2008 Sekolah Menengah Pengkalan Chepa sehingga kini
BAHAGIAN 5: PERMULAAN SEBAGAI TINGKATAN 6		
10.48	Subjek utama	- Kesusasteraan Melayu
11.32	Factor mendorong menjadi Penolong Kanan Tingkatan 6	-Bekerja Bersama rakan-rakan guru tingkatan 6 -Mahu mengekalkan corak pembelajaran yang sama
12.27	Tahun dalam bidang pendidikan	-27 tahun
BAHAGIAN 6: KEPIMPINAN		
12.42	Pencapaian terbesar	-2022 ranking nombor 2 terbaik Kelantan -2021 ranking nombor 3 terbaik Kelantan -2023 ranking nombor 4 terbaik Kelantan -2024 target mendapat nombor 1 terbaik Kelantan
16.08	Gaya kepimpinan	-Gaya kepimpinan yang berbentuk kontigensi -Gaya kepimpinan autokratik -Gaya kepimpinan leisure-fair
19.31	Strategi membantu pelajar lemah	-Memantau akademik pelajar -Merangka program yang bersesuaian dengan pelajar yang akademik rendah
BAHAGIAN 7: VISI DAN MATLAMAT		
26.19	Pendekatan dalam persiapan pelajar untuk STPM	-Merangka program -Kelompokkan pelajar mengikut prestasi
28.47	Perubahan dalam sistem Pendidikan ingkatan 6 pada masa hadapan	- Menyaksikan satu inovasi dalam bidang pendidikan tingkatan 6 -Proses mengimbangi diantara pengajian dalam bidang akademik

		<ul style="list-style-type: none"> -Pembentukan kriteria pelajar yang bersahsiah baik -Kegiatan kokurikulum membolehkan pelajar mengimbangi potensi diri mereka.
BAHAGIAN 8: HUBUNGAN DENGAN PELAJAR		
30.01	Hubungan positif dengan pelajar tingkatan 6	<ul style="list-style-type: none"> -Melalui proses komunikasi antara dua hala bersama pelajar -Mulakan program Bina Insan dengan solat bersama-sama dan membaca Al-Quran
33.47	Menggalakan pelajar bersikap bertanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> -Melalui aktiviti kokurikulum -Pengagihan jawatan-jawatan penting dalam persatuan
BAHAGIAN 9: PENDAPAT DAN CADANGAN		
41.42	Pembelajaran digital untuk tingkatan 6	-Membolehkan penyaluran dan akses maklumat secara lebih cepat diantara guru dan pelajar dan juga dalam kalangan pelajar sendiri
43.06	Meningkatkan minat pelajar terhadap subjek dianggap sukar	<ul style="list-style-type: none"> -Menyediakan peluang belajar -Guru yang berpengalaman mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu untuk memudah cara
BAHAGIAN 10: PENGURUSAN AKTIVITI		
44.59	Merancang aktiviti kokurikulum untuk pelajar tingkatan 6	-Unit guru kokurikulum yang akan merancang aktiviti KO yang bersesuaian dengan kalendar peperiksaan yang telah dikeluarkan.
45.56	Memastikan aktiviti yang dirancang sesuai dengan minat pelajar	-Cuba sesuaikan dan seimbangkan diantara aktiviti berbentuk akademik dengan ko-akademik
BAHAGIAN 11: REFLEKSI DIRI		

48.52	Pengalaman paling berharga sebagai Penolong Kanan tingkatan 6	-Berjaya mencapai tahap keputusan akademik yang membolehkan ada ranking dalam kedudukan Negeri Kelantan -Keputusan STPM tahun 2022 mendapat PNGK 3.46 dan dinobatkan mendapat tempat ke-2 di Negeri Kelantan.
53.13	Kenangan manis Bersama pelajar tingkatan 6	-Bekas pelajar Sekolah Menengah Pengkalan Chepa akan datang untuk meraikan kejayaan mereka bersama dengan guru-guru di sekolah
BAHAGIAN 12: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB		
58.58	Pengurusan jadual kelas dan aktiviti bagi tingkatan 6	- Pengurusan jadual waktu dan juga aktiviti di tingkatan 6 masih terikat dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak kementerian bersama dengan kalendar peperiksaan yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) - Penyusunan jadual kelas dibuat bersama mengikut kerangka yang telah ditetapkan
BAHAGIAN 13: CABARAN		
68.37	Cabaran besar sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6	-Mengekalkan momentum kecemerlangan keputusan STPM -Bagaimana mewujudkan hubungan yang erat diantara sekolah dengan komuniti masyarakat setempat khususnya ibu bapa

70.03	Cabaran besar dalam pandemic COVID-19 dan cara mengatasi	<ul style="list-style-type: none"> -Tidak boleh mengikuti persekolahan secara bersemuka sedangkan tarikh peperiksaan tidak berubah -Calon STPM diminta berada di asrama dalam keadaan kawalan keselamatan dan Kesihatan yang ketat.
BAHAGIAN 14: HARAPAN		
72.43	Harapan terhadap pelajar tingkatan 6 bimbingan sekarang	<ul style="list-style-type: none"> -Pandai membawa diri -Menjadi asset kepada masyarakat, menjadi agen pembangunan dan agen perubahan kearah melahirkan masyarakat yang harmoni
77.29	Nasihat yang diberikan kepada pendidik muda	<ul style="list-style-type: none"> -Mengenali diri -Menpuyai multi-skill -Mempuyai hati dan jiwa yang besar

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.30pg-10.00pg	6 Okt 2024	<p><u>Komunikasi melalui Google Meet</u></p> <p>Pensyarah mula membuat penerangan tentang kajian sejarah lisan oleh Puan Nurul Annisa dan membentuk kumpulan yang terdiri daripada 2 orang</p>	Kumpulan telah ditubuhkan dan berbincang tentang tajuk kajian
10.00pg-11.00pg	10 Okt 2024	Mula mencari maklumat tentang kajian Sejarah lisan.	Catatan awal dilakukan untuk mencari tokoh yang bersesuaian
9.40pg-10.30pg 8.03mlm-8.15mlm	20 Okt 2024	<p><u>Komunikasi melalui WhatApp</u></p> <p>Kami bertanyakan kepada pensyarah tentang pemilihan tokoh pengusaha dodol dan pengusaha serunding.</p> <p>Kami bertanyakan juga tentang pemilihan tokoh pengusaha budu, pengusaha wau dan pengusaha Nasi Air Dingin dan membuat sandaran untuk memilih tokoh pengusaha Tok Aman Bali Beach Resort</p> <p>Kami membuat pilihan untuk memilih tokoh pengusaha Nasi Ulam Cheku Machang</p>	Catatan awal dilakukan untuk mengetahui bahawa tokoh-tokoh tersebut telah dipilih oleh orang lain.
1.37ptg-4.17ptg	12 Nov 2024	<u>Komunikasi melalui WhatsApp</u>	Catatan awal dilakukan untuk membuat panggilan

		<p>Kami menghantar soalan temubual untuk semakan kepada Madam Annisa di dalam Google Classroom.</p> <p><u>Komunikasi melalui Google Meet</u></p> <p>Setelah perbincangan dilakukan, Madam Annisa tidak bersetuju tentang pemilihan tokoh Nasi Ulam Cheku</p>	<p>video atas talian melalui Google Meet</p> <p>Catatan awal dilakukan untuk membuat penyelidikan tentang tokoh baru.</p>
5.30ptg-5.40ptg	14 Nov 2024	<p>Kami telah membuat keputusan untuk memilih tokoh Penolong Kanan Tingkatan 6 di SMK Pengkalan Chepa iaitu Puan Noraza</p>	
4.00ptg-5.00ptg	14 Nov 2024	<p><u>Komunikasi melalui WhatsApp</u></p> <p>Kami berkomunikasi dengan tokoh untuk mendapat persetujuan beliau sebagai tokoh kajian. Saya juga menyatakan segala maklumat yang diberikan adalah bertujuan untuk akademik sahaja dan maklumat ini akan dirahsiakan.</p>	<p>Catatan awal dilakukan untuk mengetahui bahawa tokoh bersetuju atau tidak.</p>
1.18ptg-3.00ptg	15 Nov 2024	<p>Mula membuat Proposal dan Preliminary Preparation</p>	<p>Mula mencari maklumat tentang tokoh</p>
2.30ptg-5.00ptg	18 Nov 2024	<p><u>Komunikasi melalui WhatsApp</u></p> <p>Bertanyakan tentang biodata tokoh untuk membuat Preliminary Preparation</p>	<p>Catatan awal dilakukan untuk mengetahui maklumat diri tokoh</p>

1.00ptg	20 Nov 2024	Menghantar Proposal dan Preliminary Preparation melalui Google Classroom	Selesai
2.20ptg-3.00ptg	21 Nov 2024	<u>Komunikasi melalui Whatsapp</u> Perbincangan diantara Aina dan Yasmin tentang penyediaan awal untuk soalan temubual	
2.30ptg-4.15ptg	22 Nov 2024	Mula membuat soalan temubual	Soalan disemak dan disusun mengikut bahagian.
9.01pg-9.10pg	25 Nov 2024	Menghantar soalan temubual kepada pensyarah melalui Google Classroom.	Catatan awal dilakukan bagi menyemak dan memastikan soalan temubual mematuhi syarat yang telah ditetapkan.
1.23ptg-2.00ptg	26 Nov 2024	<u>Komunikasi melalui Google Meet</u> Sesi perundingan bersama pensyarah	Memperbaiki soalan temubual sebelum temubual yang sebenar dijalankan
4.11ptg-4.30ptg		Pembetulan soalan temubual telah dibuat dan dihantar melalui Google Classroom.	Selesai
9.00pg-10.00pg	30 Nov 2024	Komunikasi melalui Whatsapp <u>Menghantar soalan temubual kepada tokoh untuk persediaan awal</u>	Catatan awal dilakukan bagi memastikan tokoh membuat persediaan awal.

2.42ptg-3.00ptg	2 Dec 2024	<p><u>Komunikasi melalui WhatsApp</u></p> <p>Bertanyakan kepada tokoh tentang bila beliau mempunyai masa lapang untuk membuat sesi temubual</p> <p>Persetujuan untuk sesi temubual adalah pada hari Rabu 4 Dec 2024</p>	Catatan awal dilakukan untuk mengetahui masa lapang beliau untuk sesi temubual
1.37ptg-2.27ptg	4 Dec 2024	<p><u>Komunikasi melalui WhatsApp</u></p> <p>Tokoh meminta penangguhan sesi temubual kerana beliau mempunyai mesyuarat bersama Pejabat Pendidikan Daerah</p>	Sesi temubual dibatalkan
4.33ptg-5.00ptg	6 Dec 2024	<p><u>Komunikasi melalui WhatsApp</u></p> <p>Membuat perbincangan untuk menetapkan tarikh baru bagi sesi temubual</p>	Catatan awal dilakukan untuk menetapkan tarikh baru untuk temubual
1.00ptg-3.00ptg	11 Dec 2024	<p><u>Perjumpaan pertama bersama tokoh</u></p> <p>Perjumpaan bersama tokoh untuk sesi temubual</p>	Selesai
11.15pg-12.10tgh hri	12 Dec 2024	<p><u>Komunikasi melalui WhatsApp</u></p> <p>Membuat perbincangan untuk perjumpaan kali kedua</p>	Catatan awal dilakukan untuk sesi temubual bagi 50 soalan terakhir
1.00ptg-3.00ptg	18 Dec 2024	<p><u>Perjumpaan kedua bersama tokoh</u></p>	Temubual kedua dilakukan bagi

		Perjumpaan bersama tokoh untuk sesi temubual kali kedua	menghabiskan 50 soalan terakhir.
12.00tgh hri-1.00ptg	28 Nov 2024	Membuat penyediaan bagi tajuk artikel	Persediaan awal dilakukan bagi memastikan tajuk yang dihasilkan memenuhi syarat.
12.00tgh hri	29 Dec 2024	Menghantar tajuk artikel melalui Google Docs	Selesai
2.15ptg-10mlm	5 Jan 2025	Mula menyediakan transkrip tentang sesi temubual yang telah dilakukan mengikut rujukan yang disediakan.	Memahami rujukan sebelum memulakan transkrip
2.15ptg-4.50ptg	7 Jan 2025	<u>Penyediaan transkrip telah selesai</u>	Selesai
3.10ptg-5.20ptg	10 Jan 2025	<u>Membuat pembetulan transkrip terhadap sebarang kesilapan.</u>	Pembetulan transkrip dibuat
3.00ptg-3.30ptg	16 Jan 2025	Penghantaran transkrip, audio dan video bagi sesi temubual bersama tokoh	Selesai

SENARAI SOALAN

Pengenalan: [rakam sebelum temubual]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai seorang Penolong Kanan Tingkatan 6 (PKT6) di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa. Bersama- sama kami ialah Puan Noraza binti Johari yang merupakan seorang guru dari tahun 1997 sehingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 December 2024 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 1 petang bertempat di bilik Penolong Kanan Tingkatan 6 SMK Pengkalan Chepa. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Aina Shazana binti Seluddin dan Nuryasmin Syahirah binti Mohd Sabri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

A. Latar Belakang Tokoh

1. Apakah nama penuh cikgu?
2. Bolehkah cikgu menceritakan sedikit tentang latar belakang cikgu?
3. Apakah nama panggilan cikgu?
4. Berapakah bilangan adik-beradik cikgu dan cikgu merupakan anak yang ke berapa?
5. Dimanakah cikgu dibesarkan?
6. Bolehkah cikgu menceritakan sedikit tentang latar belakang keluarga cikgu?
7. Apakah peringkat pendidikan tertinggi cikgu?

B. Pendidikan Awal

8. Dimanakah sekolah rendah cikgu?
9. Dimanakah sekolah menengah cikgu?
10. Siapakah cikgu kegemaran semasa di zaman sekolah?
11. Apakah subjek kegemaran cikgu?

12. Apakah aktiviti kegemaran cikgu semasa disekolah?
13. Adakah selepas tamat sekolah cikgu melanjutkan Pelajaran ke peringkat university?
14. Apakah jurusan yang diambil oleh cikgu?

C. Pengalaman Kerjaya Awal

15. Adakah cikgu bekerja selepas tamat pengajian?
16. Apakah pekerjaan tersebut?
17. Apakah faktor utama cikgu bekerja selepas tamat pengajian?
18. Berapakah gaji permulaan pekerjaan tersebut?

D. Pengalaman Awal sebagai cikgu

19. Apakah sebab utama cikgu memilih untuk menjadi guru?
20. Bolehkah cikgu menceritakan perjalanan sebagai guru biasa sehingga menjadi PKT6?
21. Pada tahun berapakah cikgu mula mengajar?
22. Dimanakah sekolah pertama cikgu mula mengajar?
23. Semasa berada di sana, apakah subjek yang diajarkan?

E. Permulaan sebagai PKT6

24. Apakah subjek utama yang di ajar sebelum memegang jawatan PKT6?
25. Sejak bila cikgu bertugas sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?
26. Apakah sekolah pertama cikgu berkhidmat sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?
27. Apakah faktor yang mendorong cikgu menjadi Penolong Kanan Tingkatan 6?
28. Berapakah tahun pengalaman cikgu dalam bidang pendidikan?

F. Kepimpinan

29. Apakah pencapaian terbesar cikgu sepanjang memegang jawatan ini?
30. Bagaimanakah cikgu bekerjasama dengan Pengetua sekolah dalam menguruskan hal-hal pentadbiran?
31. Apakah peranan utama Penolong Kanan Tingkatan 6 di sekolah?
32. Apakah tanggungjawab cikgu terhadap guru-guru Tingkatan 6?
33. Bagaimanakah cikgu memastikan komunikasi berkesan antara pihak pentadbiran dan pelajar Tingkatan 6?
34. Apakah gaya kepimpinan yang cikgu amalkan?
35. Bagaimana cikgu menginspirasi guru-guru di bawah bimbingan cikgu?
36. Bagaimanakah cikgu menangani situasi disiplin di kalangan pelajar Tingkatan 6?
37. Bagaimanakah cikgu menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum?
38. Apakah strategi cikgu untuk membantu pelajar yang lemah dalam pelajaran?
39. Bagaimana cikgu menguruskan masa cikgu antara kerja pentadbiran dan tugas mengajar?
40. Apakah cara terbaik bagi cikgu untuk mengendalikan konflik antara pelajar dan guru?
41. Apakah cabaran terbesar dalam memimpin pelajar Tingkatan 6?
42. Bagaimana cikgu memastikan pelajar Tingkatan 6 bersedia untuk memasuki universiti?

43. Apakah program khas yang cikgu jalankan untuk pelajar Tingkatan 6?

G. Visi dan Matlamat

44. Apakah visi cikgu sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?

45. Apakah matlamat utama cikgu untuk pelajar Tingkatan 6?

46. Bagaimanakah cikgu merancang untuk meningkatkan prestasi akademik pelajar Tingkatan 6?

47. Apakah pendekatan cikgu dalam mempersiapkan pelajar untuk peperiksaan STPM?

48. Apakah peranan kokurikulum dalam pembangunan pelajar Tingkatan 6 menurut pcikgungan cikgu?

49. Bagaimanakah cikgu memastikan kualiti pengajaran yang konsisten di kalangan guru Tingkatan 6?

50. Apakah perubahan yang ingin cikgu lihat dalam sistem pendidikan Tingkatan 6 pada masa hadapan?

51. Bagaimanakah cikgu mengukur kejayaan pelajar Tingkatan 6?

H. Hubungan dengan Pelajar

52. Bagaimanakah cikgu membina hubungan positif dengan pelajar Tingkatan 6?
53. Bagaimana cikgu menguruskan perbezaan prestasi akademik di kalangan pelajar Tingkatan 6?
54. Bagaimanakah cikgu menguruskan pelajar yang tidak bermotivasi?
55. Apakah cara terbaik untuk melibatkan ibu bapa dalam perkembangan akademik pelajar Tingkatan 6?
56. Apakah yang cikgu lakukan untuk menggalakkan pelajar bersikap bertanggungjawab?
57. Bagaimanakah cikgu menangani tekanan akademik di kalangan pelajar Tingkatan 6?
58. Apakah nasihat cikgu kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti?
59. Bagaimana cikgu menilai keberkesanan kaunseling akademik bagi pelajar Tingkatan 6?
60. Apakah aktiviti yang cikgu rasa dapat meningkatkan semangat kerjasama antara pelajar Tingkatan 6?
61. Apakah cara terbaik untuk mendisiplinkan pelajar tanpa mengurangkan motivasi mereka?

I. Pendapat dan Cadangan

62. Apakah pendapat cikgu tentang sistem pendidikan Tingkatan 6 di Malaysia?
63. Adakah cikgu merasakan STPM masih relevan pada masa kini?
64. Apakah cadangan cikgu untuk memperbaiki sistem pengajaran di Tingkatan 6?
65. Bagaimanakah cikgu melihat perkembangan pendidikan Tingkatan 6 dalam 10 tahun akan datang?
66. Apakah pendapat cikgu mengenai pembelajaran digital untuk Tingkatan 6?
67. Apakah pendapat cikgu terhadap penggunaan teknologi dalam bilik darjah?

68. Bagaimanakah cara meningkatkan minat pelajar terhadap subjek yang dianggap sukar?
69. Adakah cikgu menyokong pembelajaran berasaskan projek untuk pelajar Tingkatan 6? Mengapa?
70. Apakah ciri-ciri pelajar Tingkatan 6 yang berjaya menurut pendapat cikgu?

J. Pengurusan Aktiviti

71. Bagaimanakah cikgu merancang aktiviti kokurikulum untuk pelajar Tingkatan 6?
72. Bagaimana cikgu menguruskan bajet untuk aktiviti Tingkatan 6?
73. Bagaimana cikgu memastikan aktiviti yang dirancang sesuai dengan minat pelajar?
74. Apakah aktiviti yang pernah cikgu anjurkan dan memberikan impak besar kepada pelajar?
75. Bagaimana cikgu menilai keberkesanan sesuatu program atau aktiviti?
76. Apakah langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan pelajar semasa aktiviti luar?
77. Apakah program motivasi yang pernah cikgu jalankan untuk pelajar Tingkatan 6?

K. Refleksi Diri

78. Apakah pengalaman paling berharga cikgu sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?
79. Bagaimanakah jawatan ini mengubah pendapat cikgu terhadap pendidikan?
80. Apakah yang membuatkan cikgu merasa bangga dalam menjalankan tugas ini?
81. Apakah yang cikgu harapkan dari pelajar Tingkatan 6 selepas tamat persekolahan?
82. Apakah kenangan paling manis bersama pelajar Tingkatan 6?
83. Apakah nasihat terbaik yang pernah cikgu terima sebagai seorang pendidik?
84. Bagaimana cikgu mengatasi tekanan dalam menjalankan tugas harian?
85. Apakah aspek yang cikgu ingin perbaiki dalam diri cikgu sebagai pemimpin?
86. Bagaimanakah cikgu mengimbangi kehidupan peribadi dan tugas cikgu sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?

L. Peranan dan tanggungjawab

87. Bagaimanakah cikgu menguruskan jadual kelas dan aktiviti bagi Tingkatan 6?
88. Bagaimanakah cikgu memastikan pelajar Tingkatan 6 memahami keperluan dan piawaian peperiksaan STPM?
89. Apakah prosedur yang cikgu gunakan untuk memantau prestasi pelajar Tingkatan 6 secara berkala?
90. Apakah kriteria utama yang cikgu gunakan untuk menilai kejayaan seorang guru Tingkatan 6?
91. Bagaimana cikgu menilai keberkesanan sistem pengurusan disiplin untuk pelajar Tingkatan 6 di sekolah cikgu?
92. Apakah peranan cikgu dalam memastikan kebajikan pelajar Tingkatan 6 terpelihara?
93. Bagaimanakah cikgu bekerjasama dengan pihak kaunselor sekolah dalam membantu pelajar Tingkatan 6?

M. Cabaran

94. Apakah cabaran terbesar yang cikgu hadapi sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6?
95. Apakah cabaran terbesar yang cikgu hadapi semasa pandemik COVID-19, dan bagaimana cikgu mengatasinya?
96. Apakah cabaran terbesar dalam memimpin pelajar Tingkatan 6?
97. Apakah cabaran terbesar dalam mengatur aktiviti luar kelas untuk Tingkatan 6?

N. Harapan

98. Apakah harapan cikgu terhadap pelajar Tingkatan 6 yang cikgu bimbing sekarang?
99. Jika cikgu diberi peluang, apakah satu perkara yang ingin cikgu ubah dalam sistem pendidikan sekarang?
100. Bagaimanakah cikgu ingin dikenang oleh pelajar dan guru yang pernah bekerja dengan cikgu?
101. Apakah nasihat utama yang cikgu ingin berikan kepada pendidik muda yang ingin memegang jawatan seperti cikgu?
102. Adakah terdapat sebarang pengalaman peribadi sebagai Penolong Kanan Tingkatan 6 yang cikgu rasa telah membentuk siapa diri cikgu hari ini?

Penutup: [rakam selepas temubual]

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai seorang Penolong Kanan Tingkatan 6 dan seorang guru sejak tahun 1997 sehingga 2024. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu pendidikan kepada para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

INDEKS

A

Akademik – 3, 7, 11
Aktiviti – 6, 10, 12
Amalan – 14
Asnaf – 15

C

Cadangan – 10
Cabaran – 14
Cikgu – 2, 5, 13
Ceramah – 11

D

Disiplin – 9, 12
Diri – 12, 14

E

Elaun – 6
Empati – 14

F

Fasilitator – 15

G

Guru – 1, 5, 11
Gaya Kepimpinan – 7
Gaji – 5

H

Harapan – 15
Hubungan – 9

I

Insentif – 15
Ijazah – 5

J

Jawatan – 6, 13
Jadual – 11, 13

K

Kepimpinan – 7
Kurikulum – 3, 7, 11
Kaunseling – 1

L

Latar Belakang – 2

M

Matlamat – 8
Motivasi – 11, 13, 14
Mentor – 7

N

Nilai – 14

O

Objektif – 8

P

Pelajar – 9
Peperiksaan – 7, 11, 15
PKT6 – 1, 6
Peranan – 1, 13, 16
Pengurusan – 11
Pembelajaran – 12

R

Refleksi – 12

S

Sahsiah – 7, 9, 12
Sistem – 11, 15

T

Tanggungjawab – 1, 13, 16

U

Universiti – 9, 14

W

We Care (Tabung Kebajikan) – 15

Z

Zakat – 15

BIBLIOGRAFI

- Elly_Atikah. (n.d.). *Definisi guru*. <https://pensijilanguru.blogspot.com/2012/05/definisi-guru.html>
- Mwid. (n.d.). *Post - Pengertian Guru: Definisi, Tugas, dan Peran Guru dalam Pendidikan*. SMA Mardi Yuana Serang. <https://smamyserang.sch.id/baca/pengertian-guru-definisi-tugas-dan-peran-guru-dalam-pendidikan>
- Ningsih, W. L. (2022, March 18). Tradisi Lisan: Pengertian, Ciri-ciri, dan Contohnya. *KOMPAS.com*. <https://www.kompas.com/stori/read/2022/03/18/100000479/tradisi-lisan--pengertian-ciri-ciri-dan-contohnya>
- Pentingnya guru dalam membentuk laluan kerjaya pelajar*. (n.d.). UMPSA News. <https://news.umpsa.edu.my/experts/pentingnya-guru-dalam-membentuk-laluan-kerjaya-pelajar>
- Saidin, M. R. B. (n.d.). *GARIS PANDUAN PENGURUSAN TINGKATAN 6*. https://menaragadingirshad.blogspot.com/2016/01/garis-panduan-pengurusan-tingkatan-6_6.html